



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Perak



TICKET TO VICTORY

GEOGRAFI

Meliputi
Tingkatan 4 dan 5

KSSM



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

We Deliver





KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Perak

PENDAHULUAN

Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kerjasama guru-guru cemerlang telah menghasilkan *Ticket To Victory* yang disediakan berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Tingkatan 4 dan 5. Penghasilan modul ini hasil sumbangan tenaga guru - guru negeri Perak mengandungi contoh soalan mengikut topik dan skema jawapan bagi mata pelajaran Sejarah, Geografi dan Pendidikan Moral berdasarkan format baharu peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia mulai tahun 2021.

Ticket To Victory disediakan dalam format dokumen mudah alih (*pdf*) dan boleh digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) atau digunakan sebagai bahan latihan pengukuhan, pengayaan dan kerja rumah. Bahan ini juga boleh dijadikan panduan kepada guru-guru untuk membina item soalan mengikut format SPM. Justeru itu, diharap penggunaan *Ticket to Victory* dapat dimanfaatkan sebaik mungkin demi kecemerlangan SPM di negeri Perak bertepatan dengan slogan Jabatan Pendidikan Negeri Perak iaitu “*We Deliver*”.

Sektor Pembelajaran,
Jabatan Pendidikan Negeri Perak JalanTawas Baru Utara,
Tasek Damai,
30010, Ipoh, Perak Darul Ridzuan
Tel: 05-2922745 /05-292 3603
Faks: 05-2923851

Hak Cipta Terpelihara



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Perak



BICARA PENGARAH JPN PERAK

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Modul *Ticket To Victory* ini berjaya dihasilkan.

Modul ini dihasilkan oleh Bidang Sains Sosial, Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kolaboratif Pejabat Pendidikan Daerah, Guru Cemerlang dan Jurulatih Utama mata pelajaran yang berpengalaman. Modul ini mengandungi mata pelajaran Sejarah, Pendidikan Moral dan Geografi.

Perubahan format peperiksaan SPM tahun 2021 dan pembelajaran secara maya khususnya bagi calon-calon SPM merupakan cabaran yang perlu di-lalui dengan strategi yang dirancang dengan teliti oleh JPN, PPD dan sekolah. Pembinaan modul ini diharapkan dapat membantu guru-guru dan calon-calon SPM melaksanakan latihan berfokus agar mereka lebih bersedia untuk menghadapi peperiksaan SPM nanti.

Bagi pihak jabatan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sektor Pembelajaran JPN dan PPD serta guru-guru yang bergabung tenaga dan idea menghasilkan modul ini.

Akhir kata, semoga Allah SWT sentiasa memberkati usaha yang kita lakukan ini dan pendidikan di negeri Perak akan terus cemerlang.

Sekian. Terima kasih.

DR. MOHD SUHAIMI B. MOHAMED ALI, PCM
Pengarah Pendidikan Negeri Perak



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Perak

BICARA TIMBALAN PENGARAH JPN PERAK

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh kepada semua warga pendidik dan semua calon SPM negeri Perak.

Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dengan berkat izin dan limpah kurnia-Nya, Modul *Ticket To Victory* ini dapat direalisasikan. Modul ini melibatkan mata pelajaran Sejarah, Pendidikan Moral dan Geografi.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Bidang Sains Sosial, Sektor Pembelajaran, JPN Perak dan semua panel penggubal modul yang terdiri daripada guru cemerlang, jurulatih utama mata pelajaran dan guru berpengalaman yang telah bertungkus lumus mengorbankan masa, tenaga dan buah fikiran sehingga berjaya menghasilkan modul ini mengikut masa yang ditetapkan.

Penghasilan Modul *Ticket To Victory* ini adalah salah satu inisiatif Jabatan Pendidikan Perak untuk menyediakan sumber pembelajaran dan latihan kepada calon-calon SPM. Pemilihan item soalan adalah merangkumi pelbagai aras kesukaran bagi setiap mata pelajaran. Soalan - soalan telah disusun berdasarkan format pentaksiran yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia seiring dengan Kurikulum Standard Sekolah Menengah.

Saya amat yakin penggunaan modul ini dan juga komitmen semua yang terlibat akan memberikan impak yang besar kepada kecemerlangan murid di negeri Perak dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia nanti.

Sekian.
Terima kasih.

PUAN HAJAH RAHIMAH BINTI MOHAMED, AMP
Timbalan Pengarah Pendidikan,
Sektor Pembelajaran
Jabatan Pendidikan Negeri Perak





KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Perak

MODUL TACKLE A+

PENGHARGAAN



Dr Mohd Suhaimi bin Mohamed Ali, PCM
Pengarah Pendidikan Negeri Perak



Hajah Rahimah binti Mohamed, AMP
Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pembelajaran



Tn. Hj. Ahmad Lutfi Bin Abu Bakar, PPT
Ketua Penolong Pengarah Kanan Sains Sosial



En. Ahmad Tarmizi Bin Zainal Abidin
Penolong Pengarah Sains Sosial



En. Megat Muhammad Azhan Bin Megat Rafie
Penolong Pengarah Sains Sosial



Pn. Kamariah Binti Zain'nul Abidin
Penolong Pengarah Sains Sosial



En. Mohd Dzulkifly Bin Musanif
Penolong Pengarah Sains Sosial

Panel Pembina Soalan



Badariyah Bt Mt. Nor
SMK Dato' Hj Hussein



Normah bt Dali
SMK Tun Abd Razak



Zainab bt Omar
SMK Toh Perdana



Lee Thing Thing
SMK Bidor



Nor Asmah bt Zulkifli
SMK Simpang Beluru



Abd Aziz b. Arshad
SMK Sultan Idris II



Norain bt Ahmad
SMK Tengku Menteri



Mariah Bt Hussein
SMK Bagan Serai



**Norshahanim Bt
Ahmad Adnan**
SMK Buyang Adil



Siti Aisyah Bt Johari
SMK Sultan Abdul Jalil
Shah



Mohd Sofian b Ijam
SMK Alor Pongsu



**Halimatul Saddiah Bt
Ahmad Tajuddin**
SMK Layang-layang
Kiri



Mohd Hafiz b Md Isa
SMK Gunung
Semaunggol



**Nor Baizura bt
Ibrahim**
SMK Seri Perak



Siti Fairus bt Yusoff
SMK Sultan Abdul Jalil
Shah

Tackle A+ GEOGRAFI SPM

ISI KANDUNGAN

Bil.		Muka Surat
1	Pendahuluan	i
2	Bicara Pengarah JPN Perak	ii
3	Bicara Timbalan Pengarah JPN Perak	iii
4	Penghargaan	iv
5	Kandungan	v – vi
 TINGKATAN 4		
6	Kemahiran Geografi	01 - 04
7	Bab 5 Pergerakan Plat Teksonik	05 - 12
8	Bab 6 Pembentukan dan Kepentingan Batuan	13 - 21
9	Bab 7 Proses dan Kesan Luluh Hawa	22 - 29
10	Bab 8 Proses dan Kesan Gerakan Jisim	30 - 39
11	Bab 9 Pembentukan dan Kelestarian Sungai	40 - 49
12	Bab 10 Tindakan Ombak di Pinggir Pantai	50 - 59
13	Bab 11 Taburan Penduduk Dunia	60 - 69
14	Bab 12 Pertumbuhan Penduduk Dunia	70 - 79
15	Bab 13 Migrasi Penduduk	80 - 87
16	Bab 14 Petempatan	88 - 97
17	Bab 15 Urbanisasi	98 -106
18	Skema Jawapan Kemahiran Set 1	107-108
19	Skema Jawapan Kemahiran Set 2	109-110
20	Skema Jawapan Bab 5	111-116
21	Skema Jawapan Bab 6	117-121
22	Skema Jawapan Bab 7	122-128
23	Skema Jawapan Bab 8	129-136
24	Skema Jawapan Bab 9	137-143
25	Skema Jawapan Bab 10	144-149
26	Skema Jawapan Bab 11	150-157
27	Skema Jawapan Bab 12	158-165
28	Skema Jawapan Bab 13	165-172
29	Skema Jawapan Bab 14	173-179
30	Skema Jawapan Bab 15	180-188

ISI KANDUNGAN

Bil.		Muka Surat
TINGKATAN 5		
31	Kemahiran Geografi	189-192
32	Bab 3 Fenomena Cuaca dan Iklim	193-202
33	Bab 4 Cuaca dan Iklim Serta Pengaruhnya	203-213
34	Bab 5 Tumbuh Tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar	214-225
35	Bab 6 Pemeliharaan dan Pemuliharaan Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar.....	226-236
36	Bab 7 Sumber Tenaga	237-246
37	Bab 8 Kesan Penerokaan dan Pengurusan Sumber Tenaga	247-254
38	Bab 9 Kegiatan Ekonomi Utama	255-265
39	Bab 10 Kesan Kegiatan Ekonomi Terhadap Alam Sekitar	266-276
40	Skema Jawapan Kemahiran Set 1	277-278
41	Skema Jawapan Kemahiran Set 2	279-280
42	Skema Jawapan Bab 3	281-286
43	Skema Jawapan Bab 4	287-293
44	Skema Jawapan Bab 5	294-300
45	Skema Jawapan Bab 6	301-307
46	Skema Jawapan Bab 7	308-314
47	Skema Jawapan Bab 8	315-319
48	Skema Jawapan Bab 9	320-327
49	Skema Jawapan Bab 10	328-336
50	<i>Free and Fun To Learn Tackle Vol.1</i>	337-341

KEMAHIRAN GEOGRAFI SET 1

Soalan 1 berdasarkan peta topo siri 2280/2/2017. Kaji peta ini dengan teliti sebelum menjawab soalan berikut:

- 1 (a) Berapakah bearing Bukit Bintang (RG 607901) dari Bukit Sentosa (RG 585912)?

.....
[2 markah]

- (b) Berapakah jarak jalan kereta api dari RG 575840 ke RG 620806?

.....
[2 markah]

- (c) (i) Kamil tinggal di Kg Merak Kayangan (RG 589805). Dia ingin menghantar adiknya yang sakit ke klinik yang terletak di Kg Cenderawasih (RG 567814). Apakah arah perjalanan Kamil untuk ke klinik tersebut?

.....
[1 markah]


- (ii) Apakah pula arah perjalanannya untuk pulang ke rumah dari klinik setelah mendapatkan rawatan untuk adiknya ?

.....
[1 markah]

- (d) Skala dalam peta topografi ialah skala pecahan wakilan iaitu 1 : 50 000. Tukarkan skala ini kepada bentuk skala penyata.

.....
[2 markah]

- (e) Soalan (e) berpandukan segi empat grid berikut.



- (i) Cari keluasan kawasan Hutan Rizab Sahara dalam segi empat grid di atas.


.....
[2 markah]

(ii) Jelaskan kesan terhadap alam sekitar yang akan berlaku jika kawasan segi empat grid tersebut dimajukan tanpa kawalan.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]


Soalan (f) berdasarkan segi empat grid berikut.



(f) Berikan **dua** ciri fizikal yang terdapat dalam segi empat grid tersebut.

.....
[2 markah]

Soalan (g) berpandukan segi empat grid berikut



(g) Berdasarkan segi empat grid di atas, mengapakah kawasan ini menjadi tumpuan penduduk?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Soalan Tamat

KEMAHIRAN GEOGRAFI SET 2

Soalan 1 berdasarkan peta topo siri 2280/2/2018. Kaji peta ini dengan teliti sebelum menjawab soalan berikut:

- 1 (a) (i) Nyatakan nama lokasi tertinggi di dalam peta topografi tersebut dan ketinggiannya dalam meter.

.....
[2 markah]

- (ii) Nyatakan rujukan grid enam angka kedudukan lokasi tertinggi tersebut.

.....
[2 markah]


- (b) Berapakah bearing jambatan kayu (RG 826614) di penjuruan barat laut peta dari titik ketinggian 47 (RG 864581).

.....
[2 markah]

- (c) Kirakan jarak Sungai Asam dari RG 824620 hingga ke RG 836600.

.....
[2 markah]

Soalan (d) berdasarkan segi empat grid di bawah.



- (d) (i) Namakan dua jenis tanaman kontan yang terdapat dalam segi empat grid di atas.

.....
[2 markah]

- (ii) Jelaskan faktor yang menggalakkan penanaman tanaman yang terdapat dalam segi empat grid di atas.

.....
.....
.....
.....
[4 markah]

(e) Mengapakah kawasan di sepanjang pesisir pantai dalam peta berpenduduk padat?

.....


.....

.....

.....

[3 *markah*]

Soalan (f) berdasarkan segi empat grid berikut.



(f) Syarikat pemaju perumahan merancang untuk membangunkan projek perumahan mewah dalam segi empat grid di atas. Mengapakah projek perumahan mewah tersebut tidak wajar dilaksanakan?

.....

.....

.....

.....

[3 *markah*]

Soalan Tamat

NAMA:

TINGKATAN:

GEOGRAFI TINGKATAN 4


BAB 5 : PERGERAKAN PLAT TEKTONIK

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A Bahagian B dan Bahagian C.
Jawab **semua** soalan.

BAHAGIAN A: OBJEKTIF

1. Manakah bentuk muka bumi yang terbentuk di dasar laut sekiranya pencapahan plat berlaku?
A Arka pulau
B Jurang lautan
C Banjaran gunung lipat
D Permatang tengah laut
2. Teras bumi dikenali sebagai
A Mantel
B Litosfera
C Barisfera
D Astenosfera

Rajah berikut adalah tentang struktur bumi.



- Suhu 800°C hingga 1600°C
- Terdapat arus perolakan

3. Maklumat di atas merujuk kepada lapisan bumi yang bertanda
A I
B II
C III
D IV


Pernyataan di bawah adalah tentang lapisan struktur bumi.

- Lapisan SIAL
- Lapisan SIMA

4. Kedua-dua lapisan ini terdapat di
- A Mantel
 - B Teras luar
 - C Kerak bumi
 - D Teras dalam
5. Bahagian kerak bumi yang manakah membentuk dasar lautan
- A SIAL
 - B SIMA
 - C Mantel
 - D Teras bumi

- Lapisan SIAL
- Lapisan SIMA

6. Lapisan yang manakah dalam rajah berikut boleh dikaitkan dengan maklumat di atas?



Lapisan ini kaya dengan silika dan aluminium
Ketebalan antara 30-50km
Batuannya granit

7. Lapisan yang dimaksudkan ialah
- A SIAL
 - B SIMA
 - C Litosfera
 - D Astenosfera
8. Di antara yang berikut, yang manakah benar tentang lapisan mantel?
- A Ketumpatannya ialah 2.8g/cm^3 - 3.1g/cm^3
 - B Batuan utamanya ialah basalt
 - C Kaya dengan silika dan magnesium
 - D Ketumpatannya antara 3.0g/cm^3 - 3.37g/cm^3

9. Bentuk muka bumi yang terhasil akibat proses pergerakan plat pencapahan ialah
- I Permatang tengah lautan
 - II Banjaran gunung lipat
 - III Arka gunung berapi
 - IV Lurah gelinciran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Pernyataan di bawah berkaitan lapisan struktur bumi.

Lapisan ini terdiri daripada nikel dan besi

10. Lapisan yang dimaksudkan ialah
- A Teras bumi
 - B Kerak bumi
 - C Biosfera
 - D Mantel

Foto 1 di bawah menunjukkan letusan gunung berapi.



Foto 1

11. Lapisan bumi yang menyebabkan fenomena di atas ialah
- A Mantel
 - B Kerak bumi
 - C Teras bumi
 - D Atmosfera
12. Permatang Atlantik Tengah merupakan banjaran gunung dasar laut yang panjang dan terletak di zon pemisah plat lautan yang berikut.
- I Plat Indo-Australia
 - II Plat Amerika Selatan
 - III Plat Eurasia
 - IV Plat Amerika Utara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

13. Antara yang berikut, manakah yang dapat dikaitkan dengan kejadian pertembungan plat.
- I Gunung bongkah
 - II Lurah gelinciran
 - III Banjaran gunung lipat
 - IV Jurang lautan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
14. Plat atau kepingan litosfera merangkumi
- I SIAL
 - II SIMA
 - III Astenosfera
 - IV Mantel
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Pernyataan di bawah tentang lapisan yang memisahkan dua struktur bumi.

Lapisan Ketakselajaran Guternberg

15. Manakah yang berikut berkaitan dengan pernyataan di atas?
- A SIMA
 - B Struktur bumi
 - C Teras bumi
 - D Kerak bumi

BAHAGIAN B: STRUKTUR



Foto 1

1 (a) Apakah fenomena yang dikaitkan dengan **Foto 1** di atas?

.....

[1 markah]

(b) Nyatakan **dua** proses pergerakan plat.

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Nyatakan bentuk muka bumi yang terhasil akibat pertembungan plat.

(i).....

(ii).....

[2 markah]

(d) Jelaskan kesan fenomena di 1(a) terhadap alam sekitar dan manusia.

.....

.....

.....

.....


[3 markah]

(e) Pada pendapat anda, apakah potensi yang boleh dimajukan di kawasan tersebut?

.....
.....
.....

[2 markah]

Soalan 2 berdasarkan Rajah 1 di bawah.



Rajah 1: Lapisan bumi

2 (a) Namakan lapisan bumi bertanda X, Y dan Z dalam Rajah 1

X:

Y:

Z:

[3 markah]

(b) Lava gunung berapi berasal dari satu lapisan bumi dalam rajah di atas. Apakah lapisan bumi tersebut?

.....

[1 markah]

- (c) Jelaskan kesan letusan gunung berapi ke atas sosio ekonomi penduduk setempat.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (d) Mengapakah lapisan bumi bertanda X penting kepada manusia?

.....
.....

[2 markah]

BAHAGIAN C: ESEI

Jawa Timur berpotensi dilanda gempa 8.9 Richter, tsunami setinggi 29 meter

SURABAYA: Jawa Timur berisiko dilanda gempa bumi sekkuat 8.9 skala Richter dan tsunami setinggi 29 meter. Berdasarkan modul pengiraan potensi gempa dan tsunami yang dilakukan oleh Badan Meteorologi, Iklim dan Geofizik (BMKG), ukuran tersebut dinilai berdasarkan data yang dikumpul sebelum ini.

Ketua BMKG, Dwikorita Karnawati berkata, tsunami setinggi 26 hingga 29 meter boleh melanda semua indaka pesisir pantai di daerah Trenggalek. "Ombak tsunami dijangka tiba di pesisir pantai dalam tempoh 20 hingga 24 minit selepas gempa berlaku," katanya kepada *Tribunnews*.

Penyelaras Bidang Pemantauan dan Maklumat BMKG Stesen Geofizik, Pasuruan Suwanto berkata, terdapat dua sumber gempa bumi yang kuat di Jawa Timur. Katanya, jika potensi gempa bumi adalah tinggi, begitu juga dengan ancaman tsunami.

"Namun, BMKG mempunyai pelbagai kajian pengurangan kesan bencana yang boleh digunakan untuk membantu rakyat sekiranya berlaku gempa bumi dan tsunami.

"Semua pihak, terutamanya yang tinggal di indaka berhampiran pantai perlu sentiasa berwaspada dan menyiapkan diri untuk berdepan sebarang kemungkinan," ujarnya.

Antara indaka yang boleh dipraktikkan termasuk sering berlatih indaka keselamatan jika berlaku gempa.

Sementara itu, terdapat 14 jenis bencana lain yang boleh berlaku di Jawa Timur iaitu banjir, kemarau, letusan gunung berapi, kebakaran hutan dan tanah runtuh.

Sumber 1 : <https://www.utusan.com.my/>

- 1 (a) Apakah indak yang mempengaruhi kejadian tsunami seperti dalam Sumber 1? [4 markah]
- (b) Terangkan kesan fenomena tersebut terhadap manusia dan alam sekitar. [6 markah]
- (c) Pada pendapat anda, apakah langkah yang boleh diambil bagi mengurangkan risiko kejadian seperti dalam **Sumber 1**. [6 markah]
- (d) Pada pendapat anda ,adakah Malaysia bebas daripada bencana seperti dalam **Sumber 1** pada masa depan? Beri indaka anda. [4 markah]



Foto 2

- 2 (a) Namakan fenomena yang berlaku seperti dalam Foto 2. [1 markah]
- (b) Huraikan bagaimanakah kejadian dalam Foto 2 boleh berlaku ? [4 markah]
- (c) Terangkan kesan fenomena tersebut terhadap manusia. [8 markah]
- (d) Huraikan indakan yang boleh diambil untuk mengawal kesan fenomena tersebut. [7 markah]

SOALAN TAMAT

NAMA:

TINGKATAN:

GEOGRAFI TINGKATAN 4

BAB 6 : PEMBENTUKAN DAN KEPENTINGAN BATUAN

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A Bahagian B dan Bahagian C.
Jawab **semua** soalan.


BAHAGIAN A: OBJEKTIF

Berikut adalah pernyataan tentang batuan.

- Granit
- Gabro
- Basalt


1. Batuan di atas terhasil daripada proses
 - A Pembekuan magma
 - B Pemendapan bahan
 - C Penyimenan bahan
 - D Pengaliran magma

Rajah 1 berkaitan tentang sejenis batuan.



Rajah 1

2. Batuan X dalam rajah di atas ialah
 - A Syis
 - B Gneis
 - C Marmar
 - D Kuartzit



Rajah 2

3. Apakah batu yang terhasil daripada proses pembentukan seperti rajah di atas?
 - A Gneis
 - B Kalsit
 - C Marmar
 - D Konglomerat

4. Batuan igneus dan enapan boleh bertukar kepada batuan metamorfosis disebabkan oleh perubahan
- I Suhu
 - II Tekstur
 - III Warna
 - IV Tekanan tinggi
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

Pernyataan di bawah adalah tentang kemudahan infrastruktur.

- Lebuhraya Utara – Selatan
- Jambatan Pulau Pinang

5. Apakah jenis batu yang banyak digunakan dalam pembinaan kemudahan infrastruktur di atas?
- A Syal
 - B Granit
 - C Kuartzit
 - D Konglomerat

6. Kombinasi yang manakah benar tentang kegunaan jenis batu berikut?

	Jenis Batuan	Kegunaan
I	Batu kapur	Simen
II	Batu pasir	Kaca
III	Konglomerat	Jubin
IV	Granit	Tembikar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

7. Manakah yang berikut jenis batuan yang terbentuk melalui proses perubahan suhu dan tekanan tinggi?
- A Batu pasir
 - B Batu arang
 - C Batu garam
 - D Batu marmar

8. Kombinasi manakah yang benar tentang batuan dan proses pembentukannya?


	Batuan	Proses Pembentukan Batuan
A	Granit	Penyimenan bahan
B	Marmar	Penyejukan lava
C	Kuartzit	Tekanan dan suhu tinggi
D	Gypsum	Pemejalan magma

Rajah menunjukkan proses pembentukan batuan.



Rajah 3

9. Apakah proses pembentukan batuan tersebut?
- A Hakis dan pemendapan
 - B Penyejukan dan pemejalan
 - C Pepadatan dan penyimenan
 - D Tekanan dan haba yang tinggi



Peta 1

10. Batuan yang terdapat di kawasan berlorek X dan Y dalam peta di atas digunakan sebagai bahan mentah industri pembuatan
- A Kaca
 - B Jubin
 - C Tembikar
 - D Atap Genting
11. Manakah yang berikut merupakan lokasi bagi batuan metamorfosis?
- I Lundu
 - II Mersing
 - III Hulu Kinta
 - IV Pulau Langkawi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

12. Batu pasir sering digunakan untuk membuat
- A kaca
 - B balast
 - C jembatan
 - D mata pengisar
13. Pembentukan batuan enapan meliputi proses mampatan
- I rejahan
 - II pemendapan
 - III penyimenan
 - IV terobosan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
14. Batuan enapan jenis kimia adalah
- I gipsum
 - II batu kapur
 - III konglomerat
 - IV batu garam
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Berikut adalah pernyataan tentang batuan igneus.

Batuan ini terhasil apabila lava membeku secara cepat di permukaan bumi

15. Manakah yang berikut berkaitan dengan pernyataan di atas?
- I Diorit
 - II Granit
 - III Basalt
 - IV Obsidian
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

BAHAGIAN B: STRUKTUR

Soalan 1(a) berdasarkan Foto 1.



Foto 1

Sumber: mejabatu.com

- 1 (a) Namakan batuan yang digunakan untuk membina perabot dalam Foto 1.

..... [1 markah]

- (b) Terangkan proses pembentukan batuan metamorfosis.

.....
.....
..... [3 markah]

- (c) Sekiranya batuan di bawah mengalami proses metamorfosis, namakan batuan baharu yang terbentuk.

(i) Granit :
(ii) Batu kapur :
(iii) Batu pasir : [3 markah]

- (d) Bezakan jenis batuan igneus berikut:

(i) Batuan Igneus Rejahan:
.....
..... [2 markah]

(ii) Batuan Igneus Terobosan:

.....
.....

[2 markah]

(e) Mengapakah batuan granit penting kepada manusia?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Soalan 2(a) berdasarkan Rajah 1.



Rajah 1

2 (a) Namakan jenis batuan X dan Y .

X :

Y :

[2 markah]

(b) Berikan dua contoh batuan enapan jenis kimia.

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Bagaimanakah batuan enapan terbentuk?

.....
.....
.....

[3 markah]

(d) Jelaskan perbezaan antara komposisi batu kapur dan batu arang.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Soalan 2(e) berdasarkan Foto 2.



Foto 2

(e) Mengapakah batuan dalam Foto 2 penting kepada masyarakat hari ini?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

BAHAGIAN C: ESEI

1(a) Di atas Peta 1 di bawah, namakan lokasi batuan berikut :

- (i) Lokasi batuan bertanda **A**
- (ii) Lokasi batuan bertanda **B**
- (iii) Lokasi batuan bertanda **C**
- (iv) Lokasi batuan bertanda **D**

[4 markah]



Peta 1: Malaysia

A	
B	

C	
D	

- (b) Sebagai seorang ahli geologi, bagaimanakah anda membezakan batuan igneus dan batuan metamorfosis? [6 markah]
- (c) Terangkan ciri-ciri batuan igneus rejahan dan batuan igneus terobosan. [6 markah]
- (d) Jelaskan kepentingan batuan igneus terhadap pembangunan negara. [4 markah]

Jadual 1 menunjukkan bilangan lombong bagi batuan terpilih di Malaysia pada tahun 2013.

Batuan	Bilangan (buah)	Peratus
Batu arang	7	36.8
Silika	4	21.1
Batu kapur	3	15.8
Feldspar	3	15.8
Mika	2	10.5
Jumlah	19	100

Jadual 1

Sumber: *Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia*

- 2(a) Berdasarkan Jadual 1, lukiskan carta pai bagi menunjukkan bilangan lombong bagi batuan terpilih di Malaysia pada tahun 2013 pada kertas graf. Gunakan jejari 5 cm untuk carta pai anda. [8 markah]
- (b) Huraikan ciri-ciri batuan enapan. [6 markah]
- (c) Terangkan kepentingan batuan enapan terhadap ekonomi negara. [6 markah]

SOALAN TAMAT

NAMA:

TINGKATAN:

GEOGRAFI TINGKATAN 4


BAB 7: PROSES DAN KESAN LULUH HAWA

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.
Jawab **semua** soalan.

BAHAGIAN A: OBJEKTIF

1. Manakah berikut berkaitan dengan luluh hawa fizikal?
 - A Pemecahan batuan akibat tindakan tumbuhan
 - B Pemecahan batuan akibat tindakan asid organik
 - C Pemecahan batuan tanpa mengubah kandungan kimia batuan
 - D Pemecahan batuan mengubah kandungan dan struktur asas mineral

Rajah 1 menunjukkan proses luluh hawa fizikal.



Rajah 1

2. Pemecahan batuan dalam rajah disebabkan oleh
 - A Tindakan ibun
 - B Pelepasan tekanan
 - C Penghabluran garam
 - D Perubahan suhu ekstrem
3. Mengapakah luluh hawa fizikal sangat dominan di kawasan gurun?
 - A Banyak haiwan pengorek tanah
 - B Perubahan suhu yang ekstream
 - C Hujan yang banyak
 - D Aktiviti manusia yang giat

Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis luluh hawa

- Mengubah kandungan mineral batuan
- Dominan di kawasan tropika lembap

4. Apakah jenis luluhawa tersebut?
- A Luluh hawa fizikal
 - B Luluh hawa mekankal
 - C Luluh hawa kimia
 - D Luluh hawa biologi

Soalan 5 dan 6 berdasarkan Foto 1.

Foto 1 menunjukkan bentuk muka bumi kesan dari luluh hawa.




Foto 1

5. Manakah yang berikut boleh dikaitkan dengan Foto 1?
- A Proses pengoksidaan
 - B Pandang darat karst
 - C Pembentukan kaolin
 - D Proses kembang kecut
6. Apakah bentuk muka bumi Y dalam Foto 1?
- A Tiang kalsit
 - B Dolin
 - C Stalagmit
 - D Stalaktit

7. Foto 2 menunjukkan suatu agen luluh hawa.



Foto 2

Apakah luluh hawa yang boleh dikaitkan dengan Foto 2 ?

- A Luluh hawa kimia
 - B Luluh hawa biologi
 - C Luluh hawa fizikal
 - D Luluh hawa mekanik
8. Antara berikut yang manakah berkaitan dengan luluh hawa biologi ?
- I Pembinaan
 - II Pengkuarian
 - III Penghidratan
 - IV Pengelupasan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
9. Apakah proses luluh hawa yang dapat dikaitkan dengan Foto 3 ?



Foto 3

- A Tindakan akar tumbuhan
- B Pelepasan tekanan
- C Penghabluran garam
- D Perubahan suhu ekstrem



Rajah 2

10. Apakah faktor luluh hawa X ?
- A Masa
 - B Jarak
 - C Kawasan
 - D Gelangsar
11. Antara berikut yang manakah berkaitan dengan faktor biotik?
- I Struktur batuan
 - II Kandungan mineral
 - III Tindakan bakteria
 - IV Tindakan akar tumbuhan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
12. Apakah kepentingan luluh hawa kimia kepada ekonomi Malaysia?
- A Menghasilkan batu granit untuk sektor pembinaan
 - B Membentuk gua batu kapur sebagai lokasi pelancongan
 - C Menghasilkan garam akibat proses penghabluran garam.
 - D Mempercepatkan aktiviti kuari dengan pemecahan bongkah
13. Berikut adalah tentang suatu proses luluh hawa.

Pengkarbonan

Proses tersebut merujuk kepada kawasan

- I Gunung Benom (Perak)
 - II Gua Mulu (Sarawak)
 - III Batu Caves (Selangor)
 - IV Segitiga Jengka (Pahang)
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

14. Antara berikut yang manakah terbentuk kesan dari luluh hawa fizikal di kawasan gurun panas?
- I Talus
 - II Tors
 - III Bornhard
 - IV Karst
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
15. Bagaimanakah batu garam terbentuk?
- A Air + Karbon dioksida + Batu Kapur
 - B Air + Ferum
 - C Air + Feldspar
 - D Air + Gypsum

BAHAGIAN B: STRUKTUR

Foto 1 menunjukkan pandangan darat fizikal sesuatu Kawasan.



Foto 1

- 1 (a) Namakan dua bentuk muka bumi yang terdapat dalam Foto 1.

.....
.....

[2 markah]

- (b) Nyatakan proses luluh hawa yang menghasilkan bentuk muka bumi dalam Foto 1.

.....

[1 markah]

- (c) Kemukakan dua faktor yang mempengaruhi pembentukan bentuk muka bumi dalam Foto 1.

.....
.....

[2 markah]

- (d) Jelaskan kepentingan bentuk muka bumi dalam Foto 1 kepada manusia?

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(e) Cadangkan usaha-usaha mengekalkan bentuk muka bumi tersebut.

.....
.....
.....
.....

[2 markah]

2 (a) Jelaskan konsep luluh hawa biologi.

.....
.....

[2 markah]

(b) Senaraikan dua agen yang menyebabkan luluh hawa biologi berlaku.

.....
.....

[2 markah]

(c) Bagaimanakah tindakan manusia boleh mempercepatkan tindakan luluh hawa?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(d) Terangkan bagaimana luluh hawa biologi berpunca daripada tumbuh-tumbuhan.

.....
.....
.....

[3 markah]

(e) Bagaimanakah bakteria bertindak dalam luluh hawa biologi?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

BAHAGIAN C: ESEI

- 1(a) Jelaskan konsep luluh hawa. [3 *markah*]
- (b) Lukis dan jelaskan proses pengelupasan dalam luluh hawa fizikal. [5 *markah*]
- (c) Terangkan faktor yang mempengaruhi proses luluh hawa. [6 *markah*]
- (d) Huraikan kepentingan luluhawa terhadap pembangunan ekonomi di Malaysia. [6 *markah*]
- 2(a) Namakan gua batu kapur yang terdapat di Malaysia. [4 *markah*]
- (b) Pada pendapat anda, wajarkah kawasan gua batu kapur dimajukan? Berikan alasan anda. [6 *markah*]
- (c) Jelaskan kegiatan manusia yang mempercepatkan luluh hawa di kawasan batu kapur. [4 *markah*]
- (d) Huraikan langkah-langkah untuk memelihara dan memulihara kawasan gua batu kapur di Malaysia. [6 *markah*]

SOALAN TAMAT

NAMA:

TINGKATAN:

GEOGRAFI TINGKATAN 4

BAB 8 : PROSES DAN KESAN GERAKAN JISIM

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.
Jawab **semua** soalan.

BAHAGIAN A: OBJEKTIF

1. Apakah faktor yang menyumbang kepada pergerakan jisim di kawasan cerun curam?
 - A Litupan tumbuhan
 - B Kelembapan regolit
 - C Jumlah air yang cukup
 - D Struktur dan kestabilan cerun
2. Apakah tindakan manusia yang boleh menyebabkan berlakunya proses pergerakan jisim?
 - A Pembinaan pelabuhan perikanan
 - B Kegiatan akuakultur di kawasan paya
 - C Pembajakan tanah untuk penanaman padi
 - D Pembinaan petempatan di kawasan cerun bukit

Pernyataan di bawah adalah tentang gerakan jisim.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Pergerakan paling perlahan• Objek-objek di cerun menjadi condong |
|---|

3. Apakah jenis gerakan jisim tersebut?
 - A Aliran lumpur
 - B Kesotan tanah
 - C Gelangsar tanah
 - D Gelongsoran tanah
4. Antara berikut, yang manakah merupakan faktor fizikal yang menyebabkan berlakunya kejadian tanah runtuh?
 - A Aktiviti pertanian pindah
 - B Kawasan tanah landai terdedah dengan hujan
 - C Hujan lebat yang berterusan dan lama
 - D Aktiviti pengkuarian yang tidak terkawal

Maklumat di bawah adalah tentang pergerakan jisim.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Hujan lebat • Air bertakung di atas lapisan tanah • Kadar pergerakan sangat laju |
|--|

5. Apakah jenis pergerakan tersebut?
- A Aliran lumpur
 B Kesotan tanah
 C Gelangsar tanah
 D Gelongsoran tanah

KAWASAN	KADAR PERGERAKAN	KESAN
Cerun bukit	Cepat	Blok batuan runtuh

Jadual 1

6. Berdasarkan maklumat dalam Jadual 1, namakan gerakan jisim tersebut.
- A Kesotan tanah
 B Aliran lumpur
 C Gelangsaran tanah
 D Gelongsoran tanah

7. Keadaan yang manakah menggalakkan gelongsoran tanah?
- I Hujan lebat yang melembapkan tanah
 II Cerun yang sangat curam
 III Kadar tiupan angin
 IV Suhu yang berubah-ubah antara siang dan malam
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

8. Kombinasi manakah yang benar tentang jenis gerakan jisim berikut?

	Jenis Gerakan jisim	Kadar pergerakan
I	Aliran lumpur	Cepat
II	Kesotan tanah	Sangat cepat
III	Gelangsar tanah	Sangat cepat
IV	Gelongsoran tanah	Perlahan

- A I
 B II
 C III
 D IV

9. Bagaimanakah kegiatan manusia boleh menyebabkan berlakunya kejadian gerakan jisim di Malaysia?
- A Penanaman padi di tanah pamah
 - B Perikanan akuakultur di pinggir laut
 - C Perlombongan petroleum di luar pantai
 - D Pembinaan jalan di kawasan tanah tinggi

Maklumat berikut berkaitan dengan aktiviti yang mempengaruhi gerakan jisim.

Pemecahan batuan menggunakan bahan letupan.

10. Apakah jenis aktiviti tersebut?
- A Pertanian
 - B Pengkuarian
 - C Pembalakan
 - D Pembinaan jalan raya
11. Antara berikut apakah usaha-usaha yang dapat mengurangkan gerakan jisim di bahagian permukaan cerun yang terdedah?
- I Memotong cerun
 - II Kuatkuasa undang-undang
 - III Rangka konkrit tetulang
 - IV Menanam tanaman tutup bumi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Foto 1 tentang gerakan jisim.



Foto 1

12. Apakah kaedah yang sesuai untuk mengurangkan kesan gerakan jisim seperti dalam Foto 1 di atas?
- A Membina terowong
 - B Memasang pagar keselamatan
 - C Memotong cerun secara tegak
 - D Membina rangka konkrit tetulang

Foto 2 tentang satu fenomena alam.



Foto 2

13. Apakah kesan fenomena alam dalam Foto 2 terhadap alam sekitar?
- I Flora dan fauna musnah
 - II Kejadian tanah runtuh
 - III Kesyakan lalu lintas
 - IV Harta benda musnah
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Foto 3 menunjukkan salah satu langkah mengurangkan risiko gerakan jisim.



Foto 3

14. Foto 3 menunjukkan langkah
- A penyimenan cerun
 - B pembinaan gabion
 - C penguatkuasaan undang-undang
 - D kempen kesedaran alam sekitar

Foto 4 menunjukkan kejadian gerakan jisim.



Foto 4

15. Apakah langkah yang boleh dilaksanakan untuk mengelak kejadian tersebut daripada berulang?
- I Membina rangka konkrit tetulang
 - II Membina teres
 - III Menambah lorong
 - IV Melebarkan lebuh raya
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

BAHAGIAN B: STRUKTUR

Soalan 1 menunjukkan Foto kejadian gerakan jisim.



Foto1

- 1 (a) Nyatakan jenis gerakan jisim yang berlaku dalam Foto 1.

.....

[1 markah]

- (b) Mengapakah gerakan jisim dalam Foto 1 boleh berlaku?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (c) Terangkan dua kesan kejadian tersebut kepada kawasan sekitarnya.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(d) Jelaskan kesan gerakan jisim kepada manusia.

.....
.....
.....

[3 markah]

(e) Cadangkan langkah yang sesuai untuk mengurangkan risiko gerakan jisim.

.....
.....
.....

[3 markah]

Soalan 2 menunjukkan bangunan Highland Tower yang terjejas kerana kejadian gerakan jisim.



Foto 2

2 (a) Nyatakan jenis gerakan jisim yang berlaku dalam Foto 2.

.....

[1 markah]

(b) Mengapakah tragedi Highland Tower boleh berlaku?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Terangkan dua kesan kejadian tersebut kepada manusia.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(d) Jelaskan usaha yang boleh dilakukan untuk mengelakkan kejadian seperti Foto 2 daripada berulang.

.....
.....
.....

[3 markah]

(e) Sekiranya tanah tinggi terus diteroka, jelaskan satu fenomena alam lain yang mungkin akan berlaku.

.....
.....
.....

[3 markah]

BAHAGIAN C: ESEI

Soalan 1 adalah berdasarkan laporan akhbar di bawah.

KUALA LUMPUR: Satu kejadian tanah runtuh dilaporkan berlaku di Jalan Lon Delemen, Genting Highlands, Bentong dekat sini, petang tadi. Runtuhan dipercayai berlaku susulan hujan lebat kira-kira jam 5 petang tadi mengakibatkan laluan utama menuju ke sebuah hotel dan pangsapuri servis di situ, terputus. Setakat jam 6 petang tadi, pekerja serta penghuni hotel dan pangsapuri servis di kawasan itu terkandas, sama ada menuju ke pusat peranginan Genting Highlands atau laluan sebaliknya.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Genting Highlands, Penolong Kanan Penguasa Bomba Yusry Abdullah Sani ketika dihubungi memaklumkan, beliau bersama lapan anggota dan tiga jentera bergegas ke lokasi sebaik menerima laporan kejadian pada jam 5.40 petang.

“Kita dapati berlaku kejadian tanah runtuh berhampiran Jalan Genting ke Amber Court yang mana tanah runtuh menutupi keseluruhan laluan berkenaan, namun ia tidak membabitkan laluan utama ke pusat pelancongan Genting Highlands. “Buat masa ini kerja pembersihan jalan dan melencongkan laluan sedang dijalankan pihak kontraktor,” katanya yang turut memberitahu runtuh-runtuhan kecil masih berlaku. Sementara itu, Ketua Polis Daerah Bentong, Superintenden Yusuf Unis ketika dihubungi hari ini mengesahkan kejadian namun keadaan dilaporkan tidak serius. “Tiada kemalangan jiwa atau harta benda dilaporkan dan kita masih jalankan pemantauan. “Keadaan terkawal namun laluan di situ ditutup sementara bagi membolehkan kerja pembersihan dijalankan,” katanya.

- 1 (a) Nyatakan jenis-jenis gerakan jisim. [4 markah]
- (b) Jelaskan tindakan manusia yang menyebabkan berlakunya gerakan jisim. [4 markah]
- (c) Huraikan kesan-kesan tanah runtuh yang boleh berlaku ke atas manusia. [6 markah]
- (d) Berdasarkan laporan akhbar di atas, cadangkan langkah-langkah yang boleh dijalankan untuk mengurangkan risiko kejadian gerakan jisim di kawasan tanah tinggi. [6 markah]

- 2 (a) Terangkan perbezaan kejadian gelangsar tanah dengan gelongsoran tanah. [4 markah]
- (b) Jelaskan faktor semula jadi yang menyebabkan berlakunya gerakan jisim. [6 markah]
- (c) Bagaimanakah gelongsoran tanah memberi kesan terhadap alam sekitar fizikal? [4 markah]
- (d) Sekiranya anda mendapati lokasi yang anda diami mempunyai risiko untuk berlakunya gerakan jisim, terangkan langkah yang boleh anda kemukakan kepada pihak berkuasa untuk mengurangkan risiko untuk berlakunya kejadian gerakan jisim di kawasan tersebut. [6 markah]

SOALAN TAMAT

NAMA:

TINGKATAN:

GEOGRAFI TINGKATAN 4

BAB 9: PEMBENTUKAN DAN KELESTARIAN SUNGAI

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A Bahagian B dan Bahagian C.
Jawab **semua** soalan.

BAHAGIAN A: OBJEKTIF

1. Manakah yang berikut merupakan jenis hakisan sungai?
 - A Larutan
 - B Hidraul
 - C Mengundur
 - D Lompatan

2. Sungai menghakis melalui tindakan
 - I Hidraul
 - II Lagaan
 - III Apungan
 - IV Lompatan
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Berikut adalah tentang hakisan sungai.

Hakisan ini menghasilkan alur sungai berbentuk U
--

3. Apakah jenis hakisan tersebut?
 - A Hakisan lagaan
 - B Hakisan melebar
 - C Hakisan menegak
 - D Hakisan mengundur

Pernyataan berikut adalah tentang beban sungai.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Daun• Kelodak |
|--|

4. Bahan-bahan di atas diangkut secara
 - A apungan
 - B larutan
 - C seretan
 - D lompatan

5. Bagaimanakah cara sungai mengangkut bahan-bahan yang telah dihakis?
- I Lompatan
 - II Seretan
 - III Lagaan
 - IV Hidraul
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
6. Pemendapan sungai dipengaruhi oleh faktor
- A alur sungai kekal
 - B tiada halangan di dasar sungai
 - C cerun dasar sungai tidak berubah
 - D pertembungan arus sungai dengan arus laut di muara

Foto 1 tentang bentuk muka bumi sungai.




Foto 1

7. Apakah bentuk muka bumi Foto 1?
- A Dataran banjir
 - B Likuan sungai
 - C Lurah bentuk V
 - D Lurah bentuk U
8. Di peringkat tengah sungai, terdapat
- A jeram
 - B air terjun
 - C dataran banjir
 - D susuh bukit berpanca

Pernyataan di bawah adalah tentang bentuk muka bumi sungai.

- Jaluran permatang di sepanjang tebing sungai

9. Apakah bentuk muka bumi yang dikaitkan dengan maklumat di atas?
- A Tetambak
 - B Air terjun
 - C Dataran banjir
 - D Lubang periuk

10. Apakah bentuk muka bumi yang terbentuk di peringkat hulu sungai?
- A Delta
 - B Air terjun
 - C Susuh bukit
 - D Likuan sungai

Foto 2 menunjukkan satu bentuk muka bumi sungai.



Foto 2

11. Apakah bentuk muka bumi yang dikaitkan dengan Foto 2 ?
- A Delta
 - B Tetambak
 - C Tasik ladam
 - D Lubang periuk

Foto 3 menunjukkan tentang bentuk muka bumi sungai.




Foto 3

12. Bentuk muka bumi dalam Foto 3 terbentuk di kawasan
- A aliran sungai yang deras
 - B pusaran air di dasar sungai
 - C batuan keras di tebing sungai
 - D batuan lembut dan batuan keras yang berlapis
13. Kemerosotan kualiti air sungai dalam aspek kimia boleh dikenal pasti melalui
- A permintaan oksigen biokimia
 - B jumlah pepejal terampai
 - C kekeruhan
 - D koliform

Pernyataan di bawah adalah tentang sejenis bahan kimia.

- Benzene
- Xylene

14. Sektor manakah yang sering dikaitkan dengan maklumat di atas?
- A Pertanian
 - B Penternakan
 - C Perindustrian
 - D Perlombongan

Foto di bawah berkaitan dengan sebuah agensi.



Foto 4

15. Agensi di atas boleh dikaitkan dengan
- A pendidikan alam sekitar
 - B rawatan sumber air sungai
 - C kempen kesedaran alam sekitar
 - D penguatkuasaan undang-undang

BAHAGIAN B: STRUKTUR

Foto 1 menunjukkan muka bumi sungai.



Foto 1

- 1 (a) Di peringkat sungai manakah bentuk muka bumi dalam Foto 1 terbentuk?
..... [1 markah]
- (b) Nyatakan dua lokasi terdapatnya bentuk muka bumi di Malaysia seperti dalam Foto 1
.....
..... [2 markah]
- (c) Nyatakan cara-cara sungai melakukan hakisan.
.....
.....
..... [3 markah]
- (d) Berikan tiga bentuk muka bumi akibat tindakan hakisan air sungai di peringkat 1(a).
.....
.....
..... [3 markah]

(e) Pada pendapat anda mengapakah usaha memelihara sungai dan kawasan sekitarnya sangat penting dijalankan?

.....
.....
.....

[3 markah]

(f) Bagaimanakah ekosistem kawasan tersebut boleh dipelihara untuk kepentingan manusia dan alam sekitar?

.....
.....
.....

[3 markah]

Foto 2 menunjukkan bentuk muka bumi sungai.




Foto 2

2 (a) Namakan bentuk muka bumi bertanda **Q** dalam Foto 2.

Q: [1 markah]

(b) Bagaimana bentuk muka bumi Q terbentuk?.

.....
..... [2 markah]

(c) Mengapakah proses pemendapan lebih giat berlaku di bahagian hilir sungai?.

.....
.....
..... [3 markah]

(d) Namakan bentuk muka bumi yang terhasil akibat tindakan pemendapan sungai..

.....
.....
..... [3 markah]

(e) Jika anda seorang pencinta alam, bagaimanakah kualiti air sungai yang merosot dapat dikenalpasti?

.....
.....
.....

[3 markah]

(f) Jelaskan bagaimana kualiti air sungai boleh dikekalkan bagi menjamin keperluan generasi akan datang.

.....
.....
.....


[3 markah]

BAHAGIAN C: ESEI

1(a) Pada Peta 1 di bawah, namakan sungai yang bertanda:

- i) P
- ii) Q
- iii) R
- iv) S

[4 markah]



Peta 1: Malaysia

A	
B	

C	
D	

- (b) Jelaskan tindakan manusia yang menyebabkan kemerosotan kualiti air sungai di Malaysia. [6 markah]
- (c) Pada pendapat anda, mengapakah sungai perlu dipelihara? [4 markah]
- (d) Sebagai masyarakat yang bertanggungjawab, cadangkan usaha-usaha yang boleh dijalankan untuk melestarikan sungai. [6 markah]

Jadual 1 menunjukkan bilangan sungai yang tercemar di Malaysia pada tahun 2017.

NEGERI	BILANGAN SUNGAI TERCEMAR
JOHOR	28
PULAU PINANG	8
SELANGOR	6
PERAK	4
MELAKA	2
KELANTAN	2

Jadual 1

Sumber: Jabatan Alam Sekitar 2017

- 2(a) Berdasarkan Jadual 1, lukiskan sebuah graf bar yang menunjukkan bilangan sungai tercemar di Malaysia pada tahun 2017. [8 markah]
- Gunakan skala 1 cm mewakili 2 buah sungai.
- (b) Bagaimana kegiatan manusia menjadi punca kemerosotan kualiti sungai-sungai di Malaysia ? [4 markah]
- (c) Pada pendapat anda, apakah kesan pencemaran sungai terhadap alam sekitar ? [4 markah]
- (d) “Pencemaran sungai perlu diatasi demi generasi akan datang.”
Jelaskan usaha-usaha yang boleh dijalankan oleh pihak kerajaan dan swasta untuk melestarikan sungai. [4 markah]

SOALAN TAMAT

NAMA:

TINGKATAN:

GEOGRAFI TINGKATAN 4

BAB 10: TINDAKAN OMBAK DI PINGGIR PANTAI

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A Bahagian B dan Bahagian C.
Jawab **semua** soalan.

BAHAGIAN A: OBJEKTIF

1. Apakah jenis ombak yang dapat dikaitkan dengan maklumat berikut?

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Damparan kuat di pinggir pantai• Kekerapan 6 – 10 kali seminit |
|---|

- A Ombak kuat
- B Ombak pembina
- C Ombak perlahan
- D Ombak pembinasa

2. Antara berikut yang manakah ombak pembinasa?

- A Melakukan aktiviti pemendapan
- B Basuhan balik lemah
- C Melakukan aktiviti hakisan
- D Ombak panjang

3. Berikut adalah maklumat tentang proses hakisan ombak.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Mineral batuan terlarut• Mengubah komposisi kimia mineral batuan |
|---|

Apakah proses hakisan ombak tersebut?

- A Hidraul
- B Lelasan
- C Lagaan
- D Larutan

Foto 1 menunjukkan bentuk muka bumi hakisan ombak.



Foto 1

4. Apakah bentuk muka bumi yang akan terhasil akibat tindakan hakisan berterusan di X ?
- A Gua
 - B Gerbang laut
 - C Batu tunggul
 - D Tunggul sisa

Foto 2 menunjukkan bentuk muka bumi pinggir pantai.



Foto 2

5. Apakah bentuk muka bumi dalam Foto 2?
- A Anak teluk
 - B Gerbang laut
 - C Batu tunggul
 - D Lohong ombak

6. Bagaimanakah batuan kerikil diangkut oleh ombak?

- A Lagaan
- B Seretan
- C Apungan
- D Lompatan

7. Apakah bentuk muka bumi X dalam Foto 3 di bawah ?




Foto 3

- A Tombolo
- B Beting pasir
- C Pantai
- D Anak tanjung

- Permatang yang terdiri daripada pasir dan kelikir
- Menyambungkan tanah besar dengan pulau

8. Bentuk muka bumi yang manakah dapat dikaitkan dengan pernyataan tersebut?

- A Pantai
- B Tombolo
- C Beting pasir
- D Batu tunggul

9. Kombinasi bentuk muka bumi dan proses pembentukan manakah yang **benar**?

	Hasil Tindakan Ombak	Proses Pembentukan
I	Cenuram	Hakisan
II	Tetanjung	Pemendapan
III	Gloup	Pemendapan
IV	Tombolo	Hakisan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10. Apakah kepentingan bentuk muka bumi pinggir laut kepada negara Malaysia?
- A Lokasi ekopelancongan
 - B Lokasi sumber tenaga
 - C Lokasi tukun tiruan
 - D Lokasi perlombongan petroleum
11. Apakah kegiatan manusia yang menyebabkan berlakunya hakisan pinggir pantai?
- A Pembinaan pelabuhan
 - B Pembinaan tukun tiruan
 - C Perlombongan petroleum
 - D Penternakan ikan dalam sangkar

Foto 4 menunjukkan sejenis tumbuh - tumbuhan semula jadi di Malaysia.



Foto 4

12. Apakah kesan terhadap alam sekitar jika kawasan tumbuh - tumbuhan tersebut ditebus guna?
- A Peningkatan aras laut
 - B Peningkatan suhu global
 - C Kemusnahan hidupan akuatik
 - D Kehilangan kawasan tadahan air
13. Antara berikut yang manakah berkaitan dengan usaha mengurangkan hakisan pantai?
- I Menambak laut
 - II Membina struktur konkrit
 - III Mengawal penebangan pokok bakau di tepi laut
 - IV Mendirikan petempatan berhampiran dengan pesisir pantai
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Maklumat berikut berkaitan pemuliharaan laut dan lautan.

- Tempat pembiakan ikan
- Dibina daripada kapal yang ditenggelamkan atau blok konkrit

14. Langkah pemuliharaan laut di atas berkaitan dengan
- A pembinaan tukun tiruan
 - B pembinaan insinerator
 - C pembinaan benteng
 - D pembinaan kelong

Foto 5 menunjukkan sebuah agensi badan bukan kerajaan.



Foto 5

15. Apakah usaha pemeliharaan yang telah dijalankan berkaitan kelestarian pinggir pantai?
- A Kuat kuasa undang-undang
 - B Pendidikan alam sekitar
 - C Kempen kesedaran alam sekitar
 - D Penanaman pokok bakau.

BAHAGIAN B: STRUKTUR

Soalan 1 berdasarkan Foto 1.



Foto 1

1 (a) Namakan bentuk muka bumi **X** dan **Y** dalam Foto 1.

(i) **X** :

(ii) **Y** :

[2 markah]

(b) Apakah proses yang membentuk bentuk muka bumi **X** dan **Y**?

.....
.....
.....

[3 markah]

(c) Jika bentuk muka bumi **Y** mengalami proses di (b) secara berterusan, apakah bentuk muka bumi yang akan terbentuk?

.....
.....

[2 markah]

(d) Berikan satu kegiatan ekonomi yang berpotensi dimajukan dan tidak menjejaskan alam sekitar di kawasan **X** dan **Y**.
Berikan alasan anda.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (e) Cadangkan langkah-langkah yang sesuai untuk memastikan bentuk muka bumi **X** dan **Y** terpelihara.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Soalan 2 berdasarkan Foto 2.



Foto 2

- 2 (a) Namakan bentuk muka bumi pinggir laut dalam Foto 2

..... [1 markah]

- (b) Apakah proses tindakan ombak yang membentuk bentuk muka bumi dalam foto tersebut?

..... [1 markah]

- (c) Jelaskan faktor yang mempengaruhi proses tindakan ombak di(b)?

.....
.....
.....

[3 markah]

(d) Bagaimanakah kegiatan manusia boleh menjejaskan alam sekitar di kawasan tersebut?

.....
.....
.....

[3 markah]

(e) Cadangkan usaha-usaha untuk mengekalkan keadaan alam sekitar di kawasan tersebut.

.....
.....

[2 markah]


BAHAGIAN C: ESEI

- 1(a) Jelaskan bagaimana jenis ombak membentuk bentuk muka bumi pinggir pantai. [4 markah]
- (b) Terangkan proses pembentukan bentuk muka bumi akibat tindakan ombak di pinggir pantai. [6 markah]
- (c) Huraikan kepentingan bentuk muka bumi tindakan ombak terhadap aktiviti manusia [6 markah]
- (d) Bagaimanakah langkah yang perlu di ambil untuk mengawal masalah hakisan pinggir pantai. [4 markah]

2(a) Di atas Peta 1 di bawah, namakan lokasi pulau peranginan di:

- i) **P**
- ii) **Q**
- iii) **R**
- iv) **S**

[4 markah]



Peta 1: Malaysia

P	
Q	

R	
S	

- (b) Terangkan kegiatan manusia yang boleh menjejaskan keindahan pulau peranginan sebagai lokasi ekopelancongan. [6 markah]
- (c) Jelaskan peranan hutan paya bakau kepada kawasan pinggir pantai. [6 markah]
- (d) Bagaimanakah usaha memelihara hutan paya bakau di laksanakan di Malaysia ? [4 markah]

SOALAN TAMAT

NAMA:

TINGKATAN:

GEOGRAFI TINGKATAN 4

BAB 11: TABURAN PENDUDUK DUNIA

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi **Bahagian A Bahagian B dan Bahagian C**.
Jawab **semua** soalan.


BAHAGIAN A: OBJEKTIF

1. Kawasan manakah mempunyai penduduk jarang disebabkan keadaan iklimnya ?
 - A Tundra
 - B Dataran Ganges
 - C Dataran Kanto
 - D Dataran Tinggi Korat
2. Mengapakah kawasan gurun mempunyai kurang penduduk ?
 - A Iklimnya sejuk melampau
 - B Kos operasi tinggi
 - C Tanah yang gersang
 - D Risiko keselamatan

Berikut adalah ciri fizikal sesebuah bandaraya.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Kawasan hutan semakin berkurang• Jalan raya dibina bertingkat-tingkat• Bangunan pencakar langit pesat didirikan |
|---|

3. Apakah faktor yang menyebabkan wujudnya ciri fizikal tersebut.
 - A Kemudahan infrastruktur lengkap
 - B Ke kerapannya berlaku banjir
 - C Taraf hidup semakin tinggi
 - D Taburan penduduk semakin padat
4. Apakah faktor utama yang menyebabkan kawasan Pergunungan Himalaya kurang didiami penduduk?
 - A Saliran
 - B Tanah
 - C Dasar kerajaan
 - D Darjah ketersampaian yang rendah



Peta 1

5. Berdasarkan Peta 1 kawasan berpenduduk jarang di dunia adalah kawasan yang bertanda
6. Antara berikut, kawasan manakah yang mempunyai penduduk jarang ?
- I Banjaran Rocky
 - II Lembangan Amazon
 - III Lembangan Hwang Hwang Ho
 - IV Delta Sungai Nil
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
7. Antara berikut apakah langkah yang boleh diambil oleh sesebuah negara yang mengalami kurang penduduk ?
- A Meningkatkan taraf hidup
 - B Mengambil buruh asing
 - C Menambahkan peluang pekerjaan
 - D Meningkatkan taraf pendidikan



Foto 1


(c)	<p>Langkah-langkah yang boleh dijalankan untuk mengurangkan berlakunya fenomena banjir di kawasan bandar.</p> <p>PANDUAN JAWAPAN RUBRIK</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Fakta yang betul dan tepat • Huraian yang munasabah dan relevan /panjang lebar • Memberi contoh yang betul dan tepat • Olahan / komunikasi yang jelas dan menarik/berkesan </div> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Fakta yang betul • Huraian yang munasabah dan relevan • Memberi contoh yang sesuai • Olahan / komunikasi yang menarik </div> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyenaikan fakta /Hanya menulis fakta sahaja • Tanpa memberi contoh yang sesuai • Olahan yang tidak menarik /huraian ringkas /tuliskan satu perkataan sahaja </div> <p>CADANGAN JAWAPAN</p> <p>F1 Membaiki sistem perparitan H1 Saliran air lancar C1 Kuala Lumpur</p> <p>F2 Menghadkan pembinaan di sepanjang sungai H2 Perlu sediakan laluan/ saluran air sementara C2 Longkang /kolam sementara</p> <p>F3 Mendalamkan sungai H3 Menampung isipadu air yang banyak C3 Sg Klang/ Sg Linggi</p> <p>F4 Memasang perangkap sampah H4 Samaph dikumpul secara teratur C4 Sg Klang</p> <p>F5 Bina terowong H5 Berfungsi mengalirkan air ketika banjir</p>	[6 markah]

	<p>C5 Jalan Sg Besi</p> <p>F6 Bina kolam takungan air H6 Menakung air semasa hujan lebat C6 Loji takungan air di kawasan perindustrian</p> <p>F7 Sistem amaran awal H7 Membuat persediaan awal menyelamatkan diri C7 Penggera bunyi</p> <p>F8 Memastikan sungai/parit sentiasa bersih H8 Pemnataun lebih kerap/ teratur C8 Jabatan Parit dan Saliran</p> <p>F9 Kempen Kesedaran Alam Sekitar H9 Beri kesedaran kepada masyarakat C9 Cintai Sungai Kita</p> <p>F10 Kuatkuasa Undang2 H10 denda/ saman C10 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974</p>	
(d)	<p>Mengapa wujudnya bandar seperti Petaling Jaya dan Damansara di sekitar bandar raya Kuala Lumpur. (Bandar satelit)</p> <p>F1 Menyedia kawasan industri khusus F2 Mewujudkan pusat perkhidmatan F3 Mewujudkan pusat pentadbiran sendiri F4 Menyediakan kemudahan infrastruktur yang lengkap F5 Menyediakan kawasan rekreasi/ alam sekitar lebih bersih F6 Pusat perniagaan/ perdagangan F7 Mewujudkan pusat pendidikan/IPT F8 Mengurangkan kesesakan lalulintas F9 Mengurangkan masalah perumahan/setinggan F10 Mengawal kesesakan penduduk</p> <p style="text-align: right;"><i>Pilih mana-mana 4</i></p>	[4 markah]

Respon yang dihasratkan	Markah
Tidak menjawab soalan / respon tidak menepati kehendak soalan.	0
Fakta, huraian beserta contoh terperinci, relevan dan kreatif.	Aras 3 (5 - 6)
Fakta dan huraian / contoh yang ringkas.	Aras 2 (2 - 3)
Hanya menyenarai fakta.	Aras 1 (1)

Mana-mana soalan yang 6 markah boleh guna panduan ini untuk penskoran secara rubrik.

TAMAT

KEMAHIRAN GEOGRAFI SET 1

Soalan 1 berdasarkan peta topo siri 2280/2/2012. Kaji peta ini dengan teliti sebelum menjawab soalan berikut.

- 1 (a) Berapakah bearing Bukit Guruh (RG 112895) dari Bukit Cendana (RG155887)?


.....
[2 markah]

- (b) (i) Namakan bukit tertinggi yang terdapat di timuran peta.

.....
[1 markah]

- (ii) Nyatakan rujukan grid 6 angka bagi titik tertinggi bukit tersebut.

.....
[2 markah]



- (c) (i) Berikan **dua** ciri fizikal yang terdapat dalam persegi grid di atas.

.....
.....
[2 markah]

- (ii) Berikan **dua** ciri budaya yang terdapat dalam persegi grid di atas.

.....
.....
[2 markah]

- (d) Berdasarkan bukti dalam peta, jelaskan fungsi Hutan Rizab Kayan pada penduduk setempat.

.....
.....
.....
.....
[4 markah]

- (e) Terangkan kesan ke atas alam sekitar sekiranya kawasan di (d) diceroboh dan dimusnahkan.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (f) Kemukakan usaha-usaha yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan kesan di (e).

.....
.....
.....
.....


[3 markah]

Soalan Tamat

KEMAHIRAN GEOGRAFI SET 2

Soalan 1 berdasarkan peta topo siri 2280/2/2015. Kaji peta ini dengan teliti sebelum menjawab soalan berikut:

Soalan (a) berdasarkan segi empat grid berikut.




- 1 (a) (i) Apakah pola saliran yang terdapat dalam segi empat grid di atas?

..... [1 markah]

- (ii) Berapakah ketinggian puncak tertinggi dalam segi empat grid di atas?

..... [1 markah]

Soalan (b) berdasarkan segi empat grid berikut.



- (b) (i) Apakah pola petempatan di Kg.Muhibbah pada segi empat grid di atas?

..... [1 markah]

- (ii) Mengapakah pola petempatan berbentuk sedemikian?

.....
.....
.....
..... [3 markah]

(c) (i) Berapakah bearing G.Sagu (RG687768) dari jambatan kayu (RG659741)?

.....
[2 markah]


(ii) Mengapakah kerajaan mewujudkan Hutan Rizab Melayu Kesuma?

.....
.....
.....
.....
.....
[4 markah]

(d) Jelaskan kepentingan pembinaan jaringan jalan keretapi kepada penduduk sekitar.

.....
.....
.....
.....
[4 markah]

Soalan (e) berpandukan segi empat grid berikut.



(e) Nyatakan empat fungsi petempatan Kg.Nibong.

.....
.....
.....
[4 markah]

Soalan Tamat

NAMA:

TINGKATAN:

GEOGRAFI TINGKATAN 5

BAB 3 : FENOMENA CUACA DAN IKLIM

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A Bahagian B dan Bahagian C.
Jawab **semua** soalan.

BAHAGIAN A: OBJEKTIF

1. Apakah maklumat yang menerangkan tentang iklim ?
 - A Jumlah hujan tahunan
 - B Fenomena musim panas
 - C Keadaan semasa atmosfera
 - D Data cuaca yang dikumpul selama 25 tahun

2. Jadual 1 menunjukkan suhu bulanan bagi stesen **X** pada tahun 2019

Bulan	J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D
Suhu(°C)	26	26	27	27	28	28	27	26	27	26	26	25

Jadual 1

Berapakah min suhu bulanan di stesen **X**?

- A 26 °C
- B 25 °C
- C 26.5 °C
- D 27.5 °C


3. Maklumat berikut tentang unsur cuaca.

- Pergerakan udara
- Direkod mengikut arah

Berdasarkan maklumat di atas apakah yang dapat dikaitkan dengan unsur cuaca ?

- A Suhu
- B Hujan
- C Angin
- D Kelembapan udara

Rajah 1 di bawah menunjukkan mawar angin mudah.



Rajah 1

4. Apakah yang digambarkan oleh angka 25 dalam bulatan?
- A Bilangan hari tenang
 - B Tarikh angin bertiup
 - C Jumlah hari angin bertiup
 - D Angin bertiup dari arah barat
5. Apakah faktor yang menyebabkan julat suhu harian di Bayan Baru, Pulau Pinang (7.2 °C) lebih rendah berbanding di Temerloh, Pahang (9.4 °C) ?
- A Pengaruh kelautan
 - B Pengaruh angin monsun
 - C Kedudukan garis lintang
 - D Ketinggian bentuk muka bumi
6. Bagaimanakah kejadian banjir boleh mempengaruhi stok bekalan makanan di sesuatu kawasan?
- A Tanaman akan musnah
 - B Sumber air akan tercemar
 - C Tanah menjadi kurang subur
 - D Jumlah pengeluaran makanan meningkat
- Pernyataan berikut adalah tentang fenomena alam

Tekanan udara yang sangat rendah
berpunca daripada kepanasan di laut

7. Berdasarkan pernyataan di atas, apakah fenomena yang berlaku?
- A Banjir
 - B Taufan
 - C El Nino
 - D Banjir kilat

Pernyataan berikut tentang alat kaji cuaca


- Diletakkan di kawasan lapang
 - Sebahagiannya di tanam
 - Data diambil setiap hari
8. Antara berikut alat kaji cuaca manakah yang dihuraikan seperti pernyataan di atas?
- A Termometer
 - B Anemometer
 - C Tolok hujan
 - D Penunjuk arah angin

Foto 1 di bawah menunjukkan fenomena cuaca



Foto 1

9. Apakah langkah yang perlu diambil oleh pihak berkuasa tempatan dalam menangani masalah yang berpunca daripada fenomena cuaca tersebut?
- I Menyelenggara sistem perparitan
 - II Menguatkuasa undang-undang
 - III Menjaga keselamatan mangsa
 - IV Menyediakan peralatan menyelamatkan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
10. Apakah langkah yang boleh dilakukan untuk mengurangkan kesan kemarau di sesetengah kawasan di dunia?
- I Menanam tanaman di dalam rumah hijau
 - II Menyediakan sistem amaran awal
 - III Membina lebih banyak bekalan air
 - IV Meneroka air bawah tanah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 11 Rajah 2 di bawah menunjukkan mawar angin



Rajah 2

Apakah maklumat yang dapat diperolehi daripada rajah di atas?

- I Kelajuan angin
 - II Jenis angin
 - III Bilangan hari tenang
 - IV Arah tiupan angin
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

Peta 1 menunjukkan lokasi kawasan tumpuan pelancong.



Peta 1 Semenanjung Malaysia

12. Mengapakah kawasan berlorek dalam Peta 1 menjadi tumpuan pelancong?
- A Suhu 18°C
 - B Taman negara
 - C Gua batu kapur
 - D Tasik semula jadi

13 Maklumat di bawah menunjukkan kesan fenomena cuaca yang berlaku di India.

- Kira-kira 500 juta penduduk terjejas
- Kawasan terlibat seperti Tamil Nadu dan Rajasthan

Apakah fenomena cuaca yang dapat dikaitkan dengan maklumat di atas?

- A Banjir
- B Taufan
- C Kemarau
- D Pulau haba

Foto 2 di bawah menunjukkan fenomena cuaca.



Foto 2

14. Bagaimanakah kesan akibat fenomena foto di atas dapat dikurangkan?

- I Sistem amaran awal
- II Menanam lebih banyak pokok
- III Menyimpan lebih banyak bekalan air
- IV Membuat latihan persediaan bencana

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15. Apakah agensi yang bertanggungjawab meneruskan hal-hal yang melibatkan bencana negara?

- A NADMA
- B MET
- C KKM
- D PBT

BAHAGIAN B: STRUKTUR

Jadual 2 menunjukkan suhu di Shah Alam (SA), Selangor dan Cameron Highlands (CH), Pahang bagi tahun 2019.

Bulan	J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D
SA (°C)	28	29	30	30	30	30	26	28	28	28	28	27
CH (°C)	19	19	19	21	21	21	20	20	20	20	20	20

Jadual 2

Sumber : *Jabatan Meteorologi Malaysia*

- 1 (a) Berapakah julat suhu tahunan di lokasi tersebut ?
 - (i) Shah Alam :
 - (ii) Cameron Highlands :

[2 markah]

- (b) Berapakah min suhu tahunan di lokasi tersebut?
 - (i) Shah Alam :
 - (ii) Cameron Highlands :

[2 markah]

- (c) Berdasarkan jadual 2, jelaskan perbezaan ciri-ciri suhu di dua lokasi tersebut

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (d) Jelaskan faktor yang menyebabkan suhu di Cameron Highlands lebih rendah berbanding suhu di Shah Alam.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (e) Kemukakan langkah-langkah untuk mengekalkan suhu di Cameron Highlands.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

Keratan akhbar menerangkan maklumat berkaitan cuaca dan iklim

Artikel ini disiarkan pada : Isnin, 9 November 2020 @ 9.37 PM

KUALA LUMPUR : Empat hingga enam episod hujan lebat yang signifikan dijangka berlaku dalam tempoh Monsun Timur Laut atau musim tengkujuh di Malaysia, yang akan bermula Rabu ini dan berakhir pada Mac 2021. Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dalam kenyataan memaklumkan semasa fasa

- 2 (a) Apakah fenomena cuaca dan iklim yang dialami oleh negeri-negeri pantai timur berdasarkan petikan akhbar tersebut?

.....

[1 markah]

- (b) Mengapakah negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia sering mengalami banjir pada setiap penghujung tahun?

.....
.....
.....
.....
.....

[5 markah]

- (c) Jelaskan kesan fenomena ini kepada sosioekonomi penduduk yang terlibat?

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[5 markah]

- (d) Cadangkan langkah persediaan yang boleh diambil bagi mengurangkan kesan fenomena ini.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

BAHAGIAN C: ESEI

Jadual 3 menunjukkan suhu maksimum dan suhu minimum di beberapa lokasi di Malaysia pada bulan Mac 2021.

Bandar	Alor Star	Kuala Krai	Cameron Highland	Keningau	Sibu
Suhu Maksimum (°C)	37.4	28.0	24.9	26.1	35.3
Suhu Minimum (°C)	30.2	20.2	13.3	20.6	26.0

Jadual 3

Sumber : *Jabatan Meteorologi Malaysia*

- 1 (a) Berdasarkan Jadual 3 di atas, lukiskan graf garisan berganda yang menunjukkan suhu maksimum dan suhu minimum di beberapa lokasi di Malaysia pada bulan Mac 2021
Gunakan skala 1 cm mewakili 5 °C.

[8 markah]

Maklumat di bawah berkaitan suhu di Malaysia

PENINGKATAN suhu harian negara di beberapa negeri dicatatkan semakin meningkat sejak kebelakangan ini. Suhu purata di antara 33 darjah Celsius hingga 40 darjah Celsius dijangka akan berlaku dan membabitkan beberapa kawasan dan negeri di bahagian utara Semenanjung dan Sabah.

Bagi penduduk yang tinggal di utara tanah air seperti Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak serta Pantai Timur seperti Kelantan dan Terengganu diramalkan akan mengalami peningkatan suhu purata harian iaitu antara 33^o-37^o Celsius.

Sumber : *rencana@bh.com.my*

- (b) Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan kesan kepada manusia dan alam sekitar jika berlaku suhu harian yang panas melampau di sesuatu kawasan.
- (c) Kemukakan langkah-langkah untuk menyederhanakan suhu di sesuatu kawasan.

[6 markah]

[6 markah]

Foto 3 menunjukkan fenomena cuaca di Malaysia



Foto 3

Sumber : bhonline@bh.com.my

- 2 (a) Bagaimanakah keadaan cuaca semasa berlakunya fenomena dalam Foto 3. [4 markah]
- (b) Jelaskan kesan fenomena tersebut terhadap ekonomi negara. [6 markah]
- (c) Jika anda seorang pemimpin setempat, huraikan langkah-langkah persediaan yang boleh dilakukan untuk mengurangkan masalah akibat fenomena cuaca tersebut. [6 markah]
- (d) Bagaimanakah persediaan yang dihadapi di negara India ketika menghadapi musim kemarau? [4 markah]

SOALAN TAMAT

NAMA: TINGKATAN:

GEOGRAFI TINGKATAN 5

BAB 4: CUACA DAN IKLIM SERTA PENGARUHNYA

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A Bahagian B dan Bahagian C.
Jawab **semua** soalan.

BAHAGIAN A: OBJEKTIF

1. Antara berikut, iklim manakah yang termasuk dalam Zon Panas Sederhana?
 - A Iklim Savana
 - B Iklim Steppe
 - C Iklim Tundra
 - D Iklim Laurentia



Peta 1

2. Antara berikut, pernyataan yang manakah berkaitan dengan kawasan berlorek di atas?
 - I Terdapat musim panas dan musim kemarau
 - II Terletak di garis lintang 30°U hingga 45°U
 - III Hujan tahunan berbeza-beza
 - IV Suhu musim sejuk setinggi 7°C hingga 14°C
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
3. Negara ini terletak antara 10°U hingga 10°S iaitu di kawasan zon iklim panas. Negara ini mengalami musim kering yang nyata. Negara ini mungkin sekali
 - A Rusia
 - B Norway
 - C Thailand
 - D Indonesia

4. Antara berikut negara-negara yang manakah beriklim Panas Sederhana Kebenuaan Steppe?
- I China utara
 - II Downs Australia
 - III Kepulauan British
 - IV British Columbia Kanada
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Foto1 menunjukkan kesan aktiviti manusia.



Foto 1

5. Berdasarkan rajah di atas, apakah kesan daripada aktiviti manusia tersebut?
- A Kebakaran Kawasan hutan.
 - B Jadual penerbangan terganggu.
 - C Struktur bangunan berasaskan besi akan karat
 - D Bangunan berasaskan simen akan terhakis sedikit-demi sedikit
6. Pak Yasin melakukan aktiviti membaiki pukut dan jala pada bulan November hingga Mac. Mengapakah waktu ini sesuai untuk melakukan aktiviti tersebut?
- A Angin Monsun Barat Laut bertiup
 - B Angin sumatera bertiup
 - C Peralihan monsun
 - D Musim tengkujuh
7. Bagaimanakah faktor fizikal tidak menggalakkan kegiatan pembalakan di kawasan beriklim Sejuk Sederhana Pantai Barat?
- A Keadaan tanah beku serta licin disebabkan cuaca yang melampau sejuk
 - B Iklim Mediterranean tidak menggalakkan pertumbuhan hutan kayu keras
 - C Pembinaan sistem pengangkutan yang tidak cekap
 - D Kawasan tanah beralun dan bertanih laterit

8. Antara berikut, yang manakah merupakan gas yang dihasilkan oleh penggunaan baja kimia?
- A Klorofluorokarbon
 - B Sulfur dioksida
 - C Nitrogen oksida
 - D Karbon dioksida

Foto 2 menunjukkan dua lokasi petempatan di Malaysia.



Foto 2

9. Mengapakah kedua-dua kawasan tersebut mempunyai suhu yang berbeza?
- A Penerimaan cahaya matahari
 - B Kepadatan penduduk
 - C Ketinggian kawasan
 - D Bahan binaan



Foto 3

10. Berdasarkan gambar di atas, apakah pengaruh cuaca dan iklim mempengaruhi kegiatan di atas?
- A Min suhu tahunan antara 24°C hingga 38°C
 - B Min suhu tahunan kira-kira -14°C
 - C Sesuai dijalankan di kawasan Iklim Monsun Tropika
 - D Sesuai dijalankan di kawasan Iklim Sejuk Sederhana Pantai Barat

11. Maklumat berikut berkaitan dengan tanaman yang terdapat di suatu jenis iklim.

- Gandum
- Kentang
- Barli

Apakah iklim yang sesuai untuk pertumbuhan tanaman tersebut?

- A Iklim Sejuk Sederhana Pantai Barat
- B Iklim Sejuk Kebenuaan Siberia
- C Iklim Khatulistiwa
- D Iklim Savana

12. Foto 4 menunjukkan lokasi penanaman padi di negeri Kedah.



Foto 4

12. Antara pernyataan berikut yang manakah faktor yang membolehkan tanaman tersebut hidup subur?

- I Tiupan angin Sumatera yang membawa hujan
 - II Hujan maksimum pada musim panas
 - III Hujan turun melebihi 2000 mm
 - IV Suhu yang tinggi dan sekata sepanjang tahun
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

13. Apakah faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan gas karbon dioksida di udara?

- I Kegiatan pembalakan
 - II Penggunaan insinerator
 - III Penggunaan kuasa hidroelektrik
 - IV Kegiatan pengangkutan bermotor
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

14. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan kesan rumah hijau?
- I Tanaman, ternakan dan bangunan musnah
 - II Pulau yang kecil akan ditenggelami aras laut
 - III Peningkatan suhu khasnya di kawasan bandar
 - IV Bahang yang kuat di kawasan yang banyak bangunan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

15. Antara berikut, yang manakah kombinasi yang tepat?

	Fenomena	Punca
I	Banjir kilat	Musim tengkujuh
II	Pulau haba	Bangunan konkrit
III	Hujan asid	Asap kenderaan
IV	Jerebu	Penggunaan racun serangga

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

BAHAGIAN B: STRUKTUR

Soalan berikut berdasarkan gambar rajah di bawah.



Gambar rajah 1

- 1 (a) Namakan fenomena dalam gambar rajah di atas.

.....

[1 markah]

- (b) Jelaskan faktor yang menyebabkan fenomena tersebut berlaku.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (c) Terangkan kesan fenomena tersebut terhadap manusia dan alam sekitar.

.....
.....
.....
.....
.....

[5 markah]

(d) Cadangkan langkah-langkah untuk mengurangkan kesan fenomena tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

Soalan berikut berdasarkan foto-foto di bawah.



Foto 1



Foto 2



Foto 3

- 2 (a) Apakah fenomena cuaca yang boleh dikaitkan dengan foto-foto di atas?

.....

[1 markah]

- (b) Berdasarkan gambar rajah di atas, jelaskan keadaan persekitaran ketika fenomena itu berlaku.

.....
.....
.....

[3 markah]

- (c) Mengapakah fenomena di (a) boleh berlaku?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (d) Jelaskan kesan kejadian fenomena tersebut terhadap manusia dan alam sekitar.

.....
.....
.....

.....
.....


[4 *markah*]

(e) Cadangkan langkah untuk menangani fenomena tersebut.

.....
.....
.....
.....

[3 *markah*]

BAHAGIAN C: ESEI



Peta 1: DUNIA

1(a) Di atas Peta Dunia, namakan jenis iklim:

- (i) **P**
- (ii) **Q**
- (iii) **R**
- (iv) **S**

[4 markah]

P	
Q	

R	
S	

(b) Kepulauan British adalah sebuah Kawasan terletak dalam Zon Iklim Sejuk Sederhana yang mengalami iklim Sejuk Sederhana Pantai Barat. Jelaskan ciri-ciri iklim zon Iklim Sejuk Sederhana.

[4 markah]

(c) Huraikan pengaruh cuaca dan iklim yang mempengaruhi kegiatan ekonomi di kawasan Iklim Sejuk Sederhana Pantai Barat.

[6 markah]

(d) Seandainya anda diberikan peluang untuk memilih pakej pelancongan di kawasan Iklim Khatulistiwa atau di kawasan Iklim Sejuk Sederhana Pantai Barat, yang manakah menjadi pilihan anda? Mengapakah kawasan beriklim sedemikian menjadi pilihan anda?

[6 markah]

- 2(a) Jelaskan konsep fenomena pulau haba bandar. [2 *markah*]
- (b) Terangkan faktor yang menyebabkan fenomena tersebut berlaku. [6 *markah*]
- (c) Huraikan kesan fenomena tersebut terhadap manusia. [6 *markah*]
- (d) Pada pandangan anda apakah langkah yang boleh di ambil untuk mengurangkan kesan fenomena tersebut. [6 *markah*]

SOALAN TAMAT

NAMA:

TINGKATAN:

GEOGRAFI TINGKATAN 5

BAB 5 : TUMBUH-TUMBUHAN SEMULA JADI DAN HIDUPAN LIAR

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A Bahagian B dan Bahagian C.
Jawab **semua** soalan.

BAHAGIAN A: OBJEKTIF

1. Antara berikut, manakah komponen biotik dalam ekosistem?
 - I Nutrien
 - II Amfibia
 - III Bakteria
 - IV Liana

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

2. Apakah ciri hutan hujan tropika?
 - I Dirian tulen
 - II Berakar banir
 - III Empat lapisan ketinggian
 - IV Daun gugur antara bulan Mac hingga mei

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

3. Mengapakah hutan di kawasan Monsun Tropika menggugurkan daun pada bulan Mac hingga bulan Mei?
 - I Suhu yang tinggi
 - II Musim kemarau
 - III Kelembapan bandingan tinggi
 - IV Angin monsoon bertiup kencang

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- Malar hijau
- Tumbuhan menumpang

4. Apakah tumbuhan semula jadi yang boleh di kaitkan dengan maklumat di atas?
- A Hutan Konifer
 - B Hutan Hujan Tropika
 - C Hutan Monsun Tropika
 - D Padang Rumput Sederhana
5. Haiwan manakah adalah pengguna primer dalam rantai makanan?
- A Ular
 - B Katak
 - C Helang
 - D Belalang



Foto 1

6. Dalam ekosistem, apakah kumpulan haiwan dalam foto 1 di atas?
- A Pengeluar
 - B Pengguna primer
 - C Pengguna sekunder
 - D Pengguna tertier

- Hutan Hujan Tropika
- Hutan Monsun Tropika

7. Apakah persamaan ciri tumbuhan semula jadi di atas?
- A Lantai hutan jarang
 - B Mempunyai tiga lapisan
 - C Terdapat tumbuhan liana
 - D Pokok berakar tunjang

8. Mengapakah tumbuhan lantai Hutan Monsun Tropika lebih padat daripada Hutan Hujan Tropika?
- A Spesis hidupan liar kurang
 - B Bekalan karbon dioksida banyak
 - C Hujan sampai terus ke permukaan bumi
 - D Tumbuhan bahagian bawah menerima pancaran matahari

Foto 2 menunjukkan suatu kawasan tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia



Foto 2

9. Apakah fungsi kepelbagaian biologi dalam ekosistem di foto 2?
- I Rantaian makanan
 - II Fotosintesis
 - III Sumber protien
 - IV Bekalan kayu balak
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
10. Antara kombinasi berikut, yang manakah benar tentang komponen ekosistem dan fungsinya?

	Komponen ekosistem	Fungsi
A	Bakteria	Pengeluar
B	Tumbuh-tumbuhan	Pengguna primer
C	Ulat bulu	Pengguna sekunder
D	Harimau	Pengguna tertier

Peta 1 menunjukkan taburan tumbuh-tumbuhan semula jadi




Peta 1

11. Apakah persamaan ciri tumbuh-tumbuhan semula jadi di kawasan P dan Q
- A Berakar banir
 - B Malar hijau
 - C Berdaun lebar
 - D Lantai hutan padat

Maklumat berikut berkaitan tumbuh-tumbuhan semula jadi di sesuatu kawasan.


- Pokok berbentuk kon
- Malar hijau

12. Berdasarkan pernyataan di atas, kawasan manakah dalam peta mempunyai ciri tumbuhan semula jadi tersebut/?



Peta 2

Rajah berikut berkaitan dengan sejenis komponen ekosistem



13. Apakah jenis komponen ekosistem yang bertanda X tersebut?

- A Kulat
- B Hujan
- C Cacing
- D Belalang

14. Kombinasi manakah yang benar tentang ciri tumbuh-tumbuhan semula jadi di Hutan Hujan Tropika dan Hutan Monsun Tropika?

	Hutan Hujan Tropika	Hutan Monsun Tropika
A	Malar hijau	Daun berbentuk jarum
B	Pokok berbentuk kon	Lantai hutan tebal
C	Berakar banir	Daun gugur pada musim kering
D	Tumbuhan lantai jarang	Mempunyai empat lapisan

Foto 3 di bawah menunjukkan sejenis hidupan liar.



Foto 3

15. Haiwan di atas terdapat di

- A Hutan Boreal
- B Hutan Konifer
- C Hutan Hujan Tropika
- D Hutan Monsun Tropika

BAHAGIAN B: STRUKTUR

Foto 1 menunjukkan salah satu kawasan tumbuh-tumbuhan semula jadi



Foto 1

- 1 (a) Namakan jenis tumbuh-tumbuhan semula jadi dalam Foto 1 berikut.

.....

[1 markah]

- (b) Jelaskan ciri tumbuh-tumbuhan semula jadi di dalam Foto 1 di atas.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (c) Terangkan kepentingan tumbuh-tumbuhan semula jadi terhadap ekosistem kawasan tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[6 markah]

- (d) Mengapakah hidupan liar penting dalam mengawal dan mengimbangi ekosistem semula jadi di kawasan hutan.

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

Foto di bawah menunjukkan kawasan tumbuh-tumbuhan semula jadi yang terdapat di dunia.



Foto 2



Foto 3

2 (a) Berdasarkan foto di atas namakan tumbuh-tumbuhan semulajadi yang terdapat di dalam Foto 2 dan Foto 3.

i. Tumbuh-tumbuhan Foto 2

.....

ii. [1 markah]

Tumbuh- Tumbuhan Foto 3

.....

[1 markah]

(b) Jelaskan ciri tumbuh-tumbuhan semula jadi yang terdapat di dalam Foto A dan Foto B.

i. Ciri tumbuh-tumbuhan Foto A:

.....

.....

.....

[4 markah]

ii. Ciri tumbuh tumbuhan Foto B:

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Jelaskan kepentingan tumbuh-tumbuhan semula jadi tersebut kepada manusia dan alam sekitar.

.....

.....

.....

.....

.....


.....

[5 markah]

BAHAGIAN C: ESEI

- 1 (a) Di atas peta 1 (Peta Dunia) dibawah, namakan tumbuh-tumbuhan semula jadi di kawasan yang bertanda:

[4 markah]



Peta 1 : Dunia

P	
Q	

R	
S	

- (b) Nyatakan ciri-ciri tumbuh-tumbuhan semula jadi di atas peta yang bertanda **P**.

[4 markah]

Soalan 1(c) adalah berkaitan dengan Foto 1 dan foto 2 di bawah.



Foto 1



Foto 2

- (c) Huraikan bagaimanakah ciri tumbuh-tumbuhan semula jadi dalam Foto 1 dapat menggalakkan kegiatan ekonomi dalam Foto 2?

[6 markah]

Foto 3 menunjukkan satu spesies hidupan liar yang tinggal di zon iklim sejuk.



Foto 3

- (d) Jelaskan bagaimanakah hidupan liar dalam Foto 3 diatas dapat menyesuaikan diri dengan keadaan persekitarannya?

[6 markah]

- 2 (a) Jadual 1 menunjukkan jumlah keluasan Hutan Hujan Tropika di Negeri Perak dan Kelantan pada tahun 2013 hingga tahun 2015.

Negeri	Keluasan Hutan (Hektar)		
	2013	2014	2015
Perak	8700	6900	6000
Kelantan	13200	12300	12100

[8 markah]

Jadual 1

(Sumber: Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia)

Berdasarkan jadual 1, lukiskan sebuah **graf garisan berganda** yang menunjukkan keluasan Hutan Hujan Tropika di Negeri Perak dan Kelantan pada Tahun 2013 hingga 2015. Gunakan skala 1 cm mewakili 1000 hektar.

Foto 4 dan Foto 5 di bawah menunjukkan kawasan tumbuh-tumbuhan semula jadi yang terdapat di dunia.



Foto 4



Foto 5

- (b) Terangkan perbandingan ciri tumbuh-tumbuhan semula jadi yang terdapat dalam Foto 4 dan Foto 5. [6 *markah*]
- (c) Bagaimanakah tumbuh-tumbuhan semula jadi yang terdapat di dalam Foto 4 memberi manfaat kepada negara dan alam sekitar? Jelaskan. [6 *markah*]

SOALAN TAMAT

NAMA:

TINGKATAN:

GEOGRAFI TINGKATAN 5

BAB 6 : PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN TUMBUH-TUMBUHAN SEMULA JADI DAN HIDUPAN LIAR


Arahan: Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A Bahagian B dan Bahagian C.
Jawab **semua** soalan.

BAHAGIAN A: OBJEKTIF

1. Apakah usaha pemuliharaan hutan yang dijalankan di negara kita Malaysia?
 - A Penebangan terpilih
 - B Mewartakan taman negara
 - C Mewujudkan ladang hutan
 - D Mengehendkan lesen pembalakan
2. Apakah kepentingan hutan terhadap ekosistem?
 - A Habitat hidupan liar
 - B Membekalkan balak
 - C Kawasan pelancongan
 - D Sumber pendapatan eksport
3. Bagaimanakah kerajaan melaksanakan langkah pemuliharaan hiduan liar di Malaysia?
 - A Mewujudkan ladang hutan
 - B Menjalankan rawatan silvikultur
 - C Mewujudkan Pusat Rahabilitasi
 - D Menggalakkan kegiatan akuakultur
4. Bagaimanakah penguatkuasaan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) berfungsi sebagai usaha pemeliharaan alam sekitar?
 - A Mewujudkan hutan simpan
 - B Memindahkan hidupan liar ke tempat baharu
 - C Mengawal pengeluaran lesen pembalakkan
 - D Meramal kesan projek pembangunan ke atas alam sekitar

5. Bagaimanakah langkah pemuliharaan hutan dapat menjamin bekalan kayu bermutu berterusan?
- A Penghutanan semula
 - B Mewartakan hutan simpan
 - C Mempelbagaikan kegunaan sumber hutan
 - D Mengadakan Kempen kesedaran alam sekitar
6. Antara berikut manakah usaha yang dijalankan oleh kerajaan Malaysia untuk memelihara hutan?
- I Penghutanan semula
 - II Mengadakan rawatan sivilkultur
 - III Mewartakan kawasan hutan simpan
 - IV Penguatkuasaan undang - undang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Kawasan berlorek X dan Y dalam peta menunjukkan kawasan pemeliharaan tumbuh-tumbuhan semulajadi.



Peta 1: MALAYSIA

7. Bagaimanakah usaha pemeliharaan dilaksanakan di kawasan tersebut?
- A Mewartakan taman negara
 - B Mewujudkan ladang hutan
 - C Melakukan program penghutanan semula
 - D Melaksanakan sistem penebangan terpilih

Foto 1 menunjukkan satu spesies hidupan liar di Malaysia.



Foto 1

8. Mengapakah spesies hidupan liar tersebut perlu dikekalkan dalam hutan di Malaysia ?
- A Sumber tarikan pelancong
 - B Sumber makanan penduduk
 - C Mengawal hutan daripada diceroboh
 - D Memelihara keseimbangan ekosistem hutan

Foto 2 menunjukkan Empangan Tiga Gaung (Tree Gorges Dam) di China



Foto 2

9. Apakah kesan pembinaan empangan tersebut terhadap ekosistem?
- I Hutan ditenggelami air
 - II Bekalan oksigen bertambah
 - III Kelajuan angin bertambah
 - IV Kepupusan hidupan akuatik
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

10. Mengapakah langkah mewartakan taman negara perlu dilaksanakan?
- I Mengawal keseimbangan suhu
 - II Meningkatkan pengeluaran kayu balak
 - III Menghadkan pemberian lesen pembalakan
 - IV Menjamin kelangsungan sumber air bersih
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
11. Apakah kesan pembalakan yang tidak terkawal terhadap alam sekitar?
- I Pulau haba
 - II Pencemaran udara
 - III Suhu meningkat
 - IV Perubahan landskap
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
12. Apakah kesan pembukaan ladang tanaman sayur-sayuran di Cameron Hinglands terhadap alam sekitar?
- I Banjir kilat
 - II Penipisan lapisan ozon
 - III Peningkatan suhu setempat
 - IV Kepupusan hidupan akuatik
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
13. Bagaimanakah kejayaan pemuliharaan Panda Gergasi di China dicapai?
- I Rawatan silvikultur
 - II Memelihara hutan buluh
 - III Mewujudkan rizab habitat semula jadi
 - IV Mewujudkan Pusat Konservensi Hidupan Liar
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

14. Mengapakah pemeliharaan dan pemuliharaan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar dilaksanakan?
- I Menjamin sumber makanan
 - II Meningkatkan keasidan tanah
 - III Menggalakkan ekopelancongan
 - IV Mengekalkan keseimbangan ekosistem
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
15. Bagaimanakah kerajaan memastikan kelestarian hutan berkekalan?
- I Menjalankan penebangan terpilih
 - II Mewartakan Akta Perhutanan Negara 1984
 - III Menggalakkan kegiatan pembalakkan
 - IV Membina jalan raya di kawasan tanah tinggi
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

BAHAGIAN B: STRUKTUR

Foto 1 menunjukkan kegiatan ekonomi yang dijalankan di kawasan tanah tinggi.



Foto 1

- 1 (a) Nyatakan kegiatan ekonomi yang ditunjukkan dalam Foto 1

.....

[1 markah]

- (b) Mengapakah aktiviti ekonomi dalam foto 1 kian berleluasa?

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

- (c) Wajarkah aktiviti tersebut dikawal? Berikan alasan anda.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(d) Huraikan kesan penerokaan sumber tersebut terhadap alam sekitar.

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(e) Cadangkan bagaimana pengurusan hutan secara lestari dapat dibangunkan di Malaysia.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Keratan akhbar di bawah menunjukkan spesies harimau yang kian terancam.



Sumber: Harian Metro, Mac 2009

- 2 (a) Berdasarkan keratan akhbar di atas, mengapakah perang terhadap pemburu haram perlu dilaksanakan?

.....
.....
.....

[2 markah]

- (b) Selain harimau, nyatakan hidupan liar lain yang turut terancam dalam negara kita.

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

- (c) Jelaskan, mengapakah pemburuan haram masih berleluasa walaupun kerajaan telah mengisytiharkan perang terhadap pemburu haram?

.....
.....
.....

.....
.....

[4 markah]

- (d) Seandainya anda dilantik sebagai pegawai alam sekitar, kemukakan usaha pemuliharaan yang dilaksanakan bagi memastikan hidupan liar tersebut bebas dari ancaman kepupusan.

.....
.....
.....
.....
.....
.....


[4 markah]

BAHAGIAN C: ESEI

1 (a) Di atas Peta Malaysia, namakan:

- (i) Taman negara bertanda **P**
- (ii) Taman negara bertanda **Q**
- (iii) Pusat Konservasi Hidupan Liar bertanda **R**
- (iv) Pusat Konservasi Hidupan Liar bertanda **S**

[4 markah]



PETA MALAYSIA

P	
Q	

R	
S	

(b) Mengapakah taman negara diwartakan sebagai hutan kekal?

[4 markah]

(c) Jelaskan bagaimana kegiatan manusia menyebabkan keseimbangan ekosistem hutan terganggu.

[6 markah]

(d) Cadangkan usaha untuk mengatasi masalah kepupusan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar di Malaysia.

[6 markah]

- 2(a) Jelaskan kepentingan hutan terhadap alam sekitar. [4 markah]
- (b) Mengapakah penerokaan hutan secara haram masih berleluasa, sedangkan Akta Perhutanan Negara 1984 telah dikuatkuasa? [4 markah]
- (c) Wajarkah kegiatan agropelancongan di kawasan tanah tinggi di kawal. Berikan alasan anda. [6 markah]
- (d) Kemukakan cadangan untuk membangunkan kawasan tanah tinggi secara lestari. [6 markah]

SOALAN TAMAT

NAMA:

TINGKATAN:

GEOGRAFI TINGKATAN 5

BAB 7 : SUMBER TENAGA

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A Bahagian B dan Bahagian C.
Jawab **semua** soalan.

BAHAGIAN A: OBJEKTIF

1. Antara berikut, yang manakah merupakan sumber tenaga boleh baharu?
 - A Air
 - B Gas asli
 - C Arang batu
 - D Petroleum

2. Antara berikut yang manakah tergolong daripada sumber tidak boleh baharu?
 - A Suria
 - B Biojisim
 - C Petroleum
 - D Geoterma

3. Apakah maksud biojisim?
 - A Didapati daripada tumbuhan dan haiwan untuk membekalkan tenaga apabila dimakan.
 - B Sumber tenaga yang dihasilkan oleh manusia untuk membekalkan tenaga elektrik.
 - C Bahan organik daripada tumbuhan dan haiwan yang membekalkan tenaga apabila dibakar.
 - D Membekalkan tenaga untuk menggerakkan kapal layar dan bilah pada kincir angin.

4. Mengapakah usaha penggantian sumber tenaga berasaskan bahan api fosil kepada sumber tenaga boleh baharu semakin mendapat perhatian?
 - A Penemuan mineral baru
 - B Kos pengendalian murah
 - C Bekalan sumber berterusan
 - D Kemajuan industri petrokimia

5. Mengapakah teknologi tenaga hidrogen dimajukan sebagai sumber alternatif menggantikan petroleum di Denmark dan Jerman?
- A Mesra alam
 - B Menjimatkan kos
 - C Ramai tenaga buruh
 - D Banyak bahan mentah
6. Antara kombinasi berikut yang manakah tergolong daripada sumber tidak boleh baharu?
- I Suria
 - II Biojisim
 - III Petroleum
 - IV Arang batu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV



Foto 1

7. Selain menjana tenaga elektrik, apakah kegunaan alat dalam Foto 1 kepada negara Belanda?
- A Mengisar bijirin
 - B Memanaskan air
 - C Membalikkan haba
 - D Menyederhanakan suhu

Foto 2 menunjukkan sejenis alat yang digunakan untuk mendapatkan sumber tenaga?



Foto 2

8. Apakah kepentingan sumber tenaga yang diperolehi melalui alat tersebut?
- A Memanaskan air
 - B Menghasilkan bahan api

- C Menjana kuasa hidroelektrik
- D Membalikkan cahaya matahari

9. Empangan merupakan penjana tenaga elektrik utama di negara kita. Apakah bentuk tenaga yang digunakan oleh empangan?
- A Air
 - B Ombak
 - C Nuklear
 - D Matahari


Foto 3 menunjukkan satu sumber tenaga.



Foto 3

10. Antara yang berikut, yang manakah benar berkaitan Foto 3?
- A Ada sepanjang masa
 - B Mencemarkan alam sekitar
 - C Tidak dapat digantikan apabila telah habis digunakan
 - D Merupakan sumber tenaga yang tidak boleh diperbaharui

Peta 1 menunjukkan lokasi penerokaan suatu sumber mineral.



Peta 1: SEMENANJUNG MALAYSIA

11. Apakah kepentingan penerokaan sumber mineral di kawasan X?
- I Memajukan industri automotif
 - II Menyediakan peluang pekerjaan
 - III Membekalkan sumber bahan api
 - IV Menggalakkan industri pelancongan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

12. Apakah kepentingan sumber mineral bukan logam di Malaysia?

- I Bahan perhiasan dinding
- II Bahan perhiasan wanita
- III Bahan penurap jalan raya
- IV Bahan mentah industri plastik

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13. Antara berikut yang manakah sumber tenaga biomas?

- I Hampas kelapa sawit
- II Bahan api fosil
- III Arang batu
- IV Najis haiwan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14. Apakah langkah kerajaan Arab Saudi untuk memastikan sumber air berterusan ?

- I Penyahgaraman air laut
- II Sumber air bawah tanah
- III Pembenihan awan
- IV Penuaian hujan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15. Mengapakah Malaysia berpotensi menjana tenaga hidroelektrik?

- A Pengaruh angin monsun
- B Terdapat sungai yang panjang
- C Mempunyai kawasan tadahan yang banyak
- D Sungai beraliran deras dan banyak isipadu air

BAHAGIAN B: STRUKTUR

Soalan 1 berdasarkan Foto 1.



Foto 1

- 1 (a) Apakah sumber tenaga dalam Foto 1 di atas?

.....

[1 markah]

- (b) Nyatakan dua pusat penjanaan sumber tenaga terbesar di dunia seperti dalam rajah di atas.

i.

ii.....

[2 markah]

- (c) Terangkan faktor yang mempengaruhi penjanaan tenaga di atas di Malaysia.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(d) Mengapakah negara Belanda merupakan negara pertama di dunia yang menggunakan tenaga angin sebagai sumber tenaga alternatif?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(e) Pada pendapat anda, wajarkah tenaga di atas dijana dan dikomersiakan di Malaysia?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Soalan 2 berdasarkan Foto 2.



Foto 2

2 (a) Namakan **dua** empangan janakuasa hidroelektrik utama di Malaysia.

i.

ii.

[2 markah]

(b) Terangkan faktor yang menggalakkan pembinaan kawasan empangan di atas?

.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Jelaskan kepentingan penjanaan sumber tenaga dalam Foto 2 terhadap pembangunan negara.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(d) Jelaskan kesan pembinaan empangan terhadap alam sekitar?

.....
.....
.....

[3 *markah*]

(e) Apakah kegunaan empangan selain menjanakan tenaga hidro?

.....
.....
.....
.....

[2 *markah*]

BAHAGIAN C: ESEI

- 1(a) Jadual 1 menunjukkan nilai eksport produk industri yang berasaskan sumber diMalaysia pada tahun 2002.

[7 markah]

Jenis Produk Industri	Nilai (RM Juta)	Peratus (%)
Industri Berasaskan Kayu	9 200	27.00
Industri Berasaskan Getah	3 700	11.00
Industri Berasaskan Kelapa Sawit	13 300	39.10
Industri Makanan dan Minuman	7 785	22.90
Jumlah	33985	100

Jadual 1

Lukis sebuah carta pai yang menunjukkan peratus nilai eksport produk industri yang berasaskan sumber di Malaysia pada tahun 2002. Gunakan skala 5 cm sebagai jejari untuk menghasilkan carta pai tersebut.

- (b)



Foto 3

Penggunaan tenaga dalam Foto 3 di lihat semakin penting pada masa kini. Negara kita juga mempunyai potensi untuk memajukan sumber tenaga ini. Pada pendapat anda, wajar atau tidak tenaga ini dimajukan di negara kita. Berikan alasan anda.

[6 markah]

- (c) Terangkan lima kepentingan memajukan tenaga alternatif seperti di 1 (b) kepada negara Malaysia.

[4 markah]

- (d) Berikan kesan terhadap alam sekitar dan manusia jika sumber tenaga tersebut tidak digunakan secara betul

[3 markah]

2(a)

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menerusi projeknya dikenali 'Hydraulic Wave Energy Converter System (Sistem Pengubah Tenaga Ombak Hidraulik) yang berperanan menyerap kuasa ombak sebelum diproses menjadi sumber tenaga elektrik, mampu memberi manfaat kepada masyarakat khususnya nelayan seperti di Foto 4.



Foto 4

Wajarkah penjana tenaga tersebut dimajukan di Malaysia? Berikan alasan anda.

[6 markah]

(b) Huraikan langkah untuk mengurangkan pergantungan kepada bahan api yang dilombong seperti dalam Foto 5

[8 markah]



Foto 5

(c) Huraikan kepentingan kepelbagaian biologi kepada manusia dan ekosistem.

[6 markah]

SOALAN TAMAT

NAMA:

TINGKATAN:

GEOGRAFI TINGKATAN 5

BAB 8 : KESAN PENEROKAAN DAN PENGURUSAN SUMBER TENAGA

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A Bahagian B dan Bahagian C.
Jawab **semua** soalan.

BAHAGIAN A: OBJEKTIF

Foto 1 menunjukkan aktiviti kegiatan ekonomi



Foto 1

1. Apakah kesan aktiviti dalam foto di atas kepada kawasan persekitarannya?
 - I Pencemaran air berlaku
 - II Hidupan akuatik pupus
 - III Kos baikpulih meningkat
 - IV Kawasan pelancongan tercemar

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

2. Apakah kesan pendedahan bahan radioaktif kepada manusia?
 - A Berlaku mutasi pada genetik
 - B Kekurangan zat makanan
 - C Pencemaran air berlaku
 - D Sesak nafas dan asma

3. Apakah sumber yang boleh diperbaharui?

- A Uranium
- B Arang batu
- C petroleum
- D Air

- Kerteh
- Miri

4. Kedua-dua Kawasan di atas sering mengalami pencemaran udara kesan daripada aktiviti

- A Pembakaran hutan
- B Pemprosesan petroleum
- C Kilang pemprosesan makanan
- D Pembakaran jerami dan sekam

5. Mengapakah pengurusan sumber tenaga yang efektif penting kepada ekonomi sesebuah negara?

- A Menjamin gaya hidup sihat
- B Memastikan alam sekitar terpelihara
- C Menjimatkan penggunaan sedia ada
- D Memastikan flora dan fauna tidak pupus

6. Apakah kelebihan pembinaan empangan kepada ekonomi sesebuah negara?

- A Tidak mencemarkan alam
- B Kos pembinaan yang murah
- C Mewujudkan landskap baru
- D Membekalkan sumber tenaga berterusan

7. Apakah kesan aktiviti perlombongan arang batu kepada alam sekitar?

- A Kesan rumah hijau
- B Kejadian banjir kilat
- C Perubahan landskap
- D Perubahan laluan angin

8. Apakah kesan kebergantungan sumber tenaga tidak boleh baharu kepada sesebuah negara?

- A Bekalan sumber akan habis
- B Aktiviti ekonomi semakin meningkat
- C Pencemaran alam sekitar boleh dikurangkan
- D Sumber tenaga dibekalkan secara berterusan

9. Bagaimanakah penerokaan sumber tenaga boleh memberi kesan kepada ekosistem darat?

- A Aliran air tersekat
- B Pencemaran udara terjadi
- C Kepupusan hidupan akuatik
- D Siratan makanan terganggu

10. Apakah peranan PETRONAS terhadap pengurusan sumber tenaga lestari di Malaysia?
- A Meningkatkan eksport petroleum
 - B Mencari pasaran baru di luar negara
 - C Menambahkan jumlah pelantar minyak baru
 - D Menjalankan penyelidikan dan pemuliharaan
11. Bagaimanakah langkah penjimatan sumber tenaga boleh dilakukan di tempat kediaman?
- A Menggunakan dapur kayu
 - B Membasuh dengan muatan kecil
 - C Memperbanyakkan tingkap untuk pencahayaan semulajadi
 - D Menggunakan banyak peralatan elektrik untuk kerja-kerja rumah
12. Bagaimanakah langkah untuk mengurangkan pergantungan terhadap sumber petroleum?
- A Mengitar semula
 - B Mengurangkan eksport
 - C Mempelbagaikan penggunaan
 - D Mencari sumber tenaga alternatif
13. Antara berikut , yang manakah sebab utama pencemaran air laut dalam penerokaan petroleum?
- A Kebocoran saluran paip
 - B Pelanggaran kapal tangki
 - C Kemalangan lori tangki minyak
 - D Pembebasan asap kilang petrokimia
14. Bagaimanakah pembinaan empangan menyebabkan berlakunya gangguan terhadap ekosistem
- A Kepupusan hidupan
 - B Kekurangan sumber air
 - C Peningkatan suhu bumi
 - D Kawasan tadahan musnah
15. Antara yang berikut, manakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk menjimatkan sumber petroleum?
- I Berkongsi kereta
 - II Membina jalan raya bertingkat
 - III Menggunakan petrol berplumbum
 - IV Menggunakan pengangkutan awam
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

BAHAGIAN B: STRUKTUR

Soalan 1 berdasarkan Foto 2 di bawah.



Foto 2

- 1 (a) Namakan sumber tenaga pada Foto 2.

.....

[1 markah]

- (b) Terangkan kepentingan sumber tenaga dalam Foto 2 kepada manusia.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (c) Terangkan kesan penerokaan sumber tenaga dalam Foto 2 terhadap alam sekitar

.....
.....
.....
.....
.....

[5 markah]

- (d) Cadangkan langkah yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan kesan yang dinyatakan di (c)

.....
.....
.....
.....
.....

[5 markah]

Soalan 2 berdasarkan Foto 3 di bawah.



Foto 3

- 2 (a) Namakan sumber tenaga dalam Foto 3.

.....

[1 markah]

- (b) Jelaskan kegunaan sumber tenaga dalam Foto 3 di atas kepada manusia.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Huraikan kesan penerokaan sumber tenaga dalam Foto 3 terhadap alam sekitar

.....
.....
.....
.....
.....

[5 markah]

(d) Bagaimanakah langkah yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan kesan yang dinyatakan di (c)

.....
.....
.....
.....
.....

[5 markah]

BAHAGIAN C: ESEI

Soalan 1 berdasarkan keratan akhbar di bawah.

Biodiesel Sawit B10 dilaksana Februari 2019

Program B10 kurangkan pembebasan gas karbon dioksida

"Dalam hal ini, saya menyeru agar pengeluar kenderaan dan OEM atau pengeluar peralatan asal bekerjasama dengan Kerajaan dalam menjayakan pelaksanaan Program B10 termasuk sebarang program biodiesel pada masa akan datang.

"Semua pihak diminta bersedia sepenuhnya untuk pelaksanaan Program B10 iaitu adunan 10 peratus diesel sawit dengan 90 peratus diesel petroleum menjelang tahun 2020.

"Program biodiesel ini penting bagi negara kerana pokok sawit adalah tanaman entus negara dan merajanya ekocemri sejak sekian lama.

"Penggunaan biodiesel sawit akan memberi impak positif kepada industri sawit melalui pengurangan stok minyak sawit dan seterusnya

Keratan akhbar tentang usaha memajukan penghasilan biodiesel di Malaysia

- 1(a) Berdasarkan keratan akhbar di atas, terangkan potensi Malaysia untuk memajukan sumber tenaga biodiesel bagi kegunaan bekalan tenaga pada masa depan.

[4 markah]



Foto4

- (b) Bagaimanakah penerokaan sumber tenaga dalam Foto 4 menyebabkan kesan terhadap alam sekitar?

[4 markah]

- (c) Cadangkan usaha pengurusan sumber tenaga yang boleh diambil dalam mengatasi kesan penerokaan sumber pada Foto 4

[4 markah]

- (d) Pada pendapat anda, wajarkah penggunaan sumber tenaga dalam Foto 4 perlu dihadkan? Kemukakan alasan anda.

[6 markah]

- 2(a) Huraikan kesan pembinaan empangan terhadap alam sekitar.

[6 markah]

- (b) Terangkan usaha-usaha yang dijalankan bagi pengurusan sumber tenaga di dunia.

[4 markah]

- (c) Jelaskan kepentingan pengurusan sumber tenaga terhadap alam sekitar.

[4 markah]

- (d) Huraikan bagaimana pengurusan sumber tenaga yang berkesan boleh mengurangkan kesan terhadap perubahan iklim dunia pada masa hadapan.

[6 markah]

SOALAN TAMAT

NAMA:

TINGKATAN:

GEOGRAFI TINGKATAN 5

BAB 9 : KEGIATAN EKONOMI UTAMA

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A Bahagian B dan Bahagian C.
Jawab **semua** soalan.

BAHAGIAN A: OBJEKTIF

Foto 1 menunjukkan satu produk kegiatan ekonomi di Malaysia.



Foto 1

1. Apakah faktor fizikal yang menggalakkan pembuatan produk tersebut?
 - A Kaolin
 - B Teknologi
 - C Sumber air
 - D Buruh mahir

2. Bagaimanakah faktor fizikal menggalakkan kegiatan pertanian di Malaysia?
 - A Memberi pinjaman modal
 - B Jaringan pengangkutan yang baik
 - C Pembinaan sistem pengairan yang cekap
 - D Kawasan tanah beralun yang bersaliran baik

Berikut adalah lokasi industri di Malaysia.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Kulim, Kedah• Tanjong Malim, Perak• Pekan, Pahang |
|---|

3. Apakah jenis industri utama yang terdapat di kawasan tersebut?
 - A Besi dan keluli
 - B Pemasangan kenderaan
 - C Elektrik dan elektronik
 - D Membina dan membaiki kapal

Peta 1 di bawah menunjukkan lokasi sumber semula jadi di Malaysia.



Peta 1: SEMENANJUNG MALAYSIA

4. Mengapakah kawasan berlorek tidak dimajukan sebagai lokasi agropelancongan ?
- A Kawasan pembalakan
 - B Kawasan petempatan penduduk
 - C Kawasan perlombongan sumber mineral
 - D Kawasan taman negara

Maklumat berikut berkaitan kegiatan ekonomi penduduk di Malaysia.

- Menenun songket di Terengganu
- Membuat labu sayong di Perak
- Mengecap batik di Kelantan

5. Mengapakah kegiatan ekonomi tersebut penting kepada pembangunan negara Malaysia?
- A Peningkatan infrastruktur
 - B Kewujudan bandar baharu
 - C Pemindahan teknologi moden
 - D Kepesatan industri pelancongan

6. Apakah faktor yang menggalakkan perkembangan kegiatan ekonomi seperti dalam Foto 2 di bawah?



Foto 2


- A Kemudahan pelabuhan
- B Pembinaan tukun tiruan
- C Kemudahan pinjaman modal
